

No. Kolej ..... 76 SG  
No Perorangan: T 0366  
Tarikh: 17/76

## INTEGRASI DAN ASSIMILASI BUDAYA

## KAUM BABA KEDALAM BUDAYA MELAYU

- SATU KAJIAN PERBANDINGAN -

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH:

NO. MATRIK 23481

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

NOVEMBER, 1976

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

**PERENCANAAN**

**UNTUK ABAH DAN MAK,**

**YANG TIDAK FAHAM AKAN APA YANG KU BUAT;**

**UNTUK ZUL DAN PIZAH,**

**ADIK-ADIKKU YANG BAKAL DEWASA;**

**UNTUK INTAN, JILAH, UDANG, RAHMAN DAN RAHMIM,**

**ANAK-ANAK KECIL YANG BISA MENEHANGKAN**

**PIKIRAN KU;**

**UNTUK SI DIA,**

**YANG BELUM KU KENALI;**

**DAN**

**UNTUK UGAMA,**

**DEMI MENEGAKKAN KEBENARAN DAN MENGHAPUSKAN**

**KEBATILAHAN.**

Saya juga ingin memperbaiki diri dan berusaha untuk memberikan yang terbaik bagi keluarga dan lingkungan sekitar. Saya juga berharap agar seluruh negara dan bangsa dapat hidup dalam perdamaian dan saling menghormati. Saya juga berharap agar seluruh bangsa dapat hidup dalam perdamaian dan saling menghormati.

Saya juga ingin memperbaiki diri dan berusaha untuk memberikan yang terbaik bagi keluarga dan lingkungan sekitar. Saya juga berharap agar seluruh negara dan bangsa dapat hidup dalam perdamaian dan saling menghormati. Saya juga berharap agar seluruh bangsa dapat hidup dalam perdamaian dan saling menghormati.

PENGHARGAAN

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terimakasih yang tidak terhingga terutamanya kepada Puan Azizah Kassim, yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sehingga berhasillah kajian ilmiah ini. Juga tidak saya lupakan, tunjuk ajar dan usaha-usaha yang telah diberikan oleh Dr. R. Rabeendran yang menjadi "supervisor" saya pada peringkat awal dahulu sebelum beliau bertolak ke Canada; serta Encik Shamsul Anri yang banyak memberikan idea-idea yang baik.

Disamping itu, ucapan terimakasih saya tujuhan kepada keluarga Encik Mohd. Yusuf Sultan yang telah menerima saya untuk tinggal bersama-sama beliau ketika menjalankan kajian ini dan layanan yang beliau sekeluarga telah berikan kepada saya dahulu. Budi baik beliau tidak akan saya lupakan, semoga Allah sahaja yang membalasnya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada Saudari Sidiyah Mohd. Yusuf yang telah memberikan pertolongan yang besar kepada saya ketika mengumpulkan data-data yang diperlukan. Beliau inilah yang menjadi orang pertaraan dan pemandu saya ketika menjalankan kajian mengenai masyarakat Baba Melaka ini.

Selain daripada itu ucapan terimakasih juga saya berikan kepada sahabat-sahabat saya yang telah memberikan galakan kepada saya untuk menjalankan kajian ini sehingga selesai. Semoga usaha-usaha mereka ini akan diberkati Allah s.w.t.

Bersamaan Jodoh dan Kajian

Wassalam.

#### BAB I : PENGENALAN

Tujuan Kajian

No. Matrik 23481

Kaedah Kajian

Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya.

Kesukitan dan Batasan Kajian

November 1976.

Asimetriasi	11	1
Jenis-Jenis assimilasi	...	9
Model Konsep Assimilasi	...	12
Integrasii	...	15
Mengintai dan atau marginal Group	...	17
Kependidik Belia dengan "Marginal Man"	...	22
Konsep Malaya dan antaranya dengan Pengaruh Belia Malaya dan Islam	...	25

<u>BAB II : LITERATUR KAJIAN MASYARAKAT DI BIL. DI NEGARA</u>	29
Keterbaharuan sejurus kepentingan Komuniti Cina di Negara	29
Setor baharuan Sejarah Keantaran Komuniti Cina Di Malaysia	30
Pengaruh Komuniti Cina	36
Guru-Guru Pendidik Orang Belia	39
Sejarah Komunitikan Masyarakat Belia Kini Di Malaysia	42
Struktur Famili Belia	45

## K A N D U N G A N

	<u>Mukasurat</u>
Pendidikan Dikalangan Masyarakat Baba	50
Penghargaan	iii
Kandungan	v
Senarai Jadual dan Rajah	viii
 BAB I : PENDAHULUAN	 1
Tujuan Kajian	1
Kaedah Kajian	2
Kesulitan dan Batasan Kepada Kajian..	4
 BAB II : BIDANG TEORI DAN KONSEP	 9
Assimilasi	9
Jenis-Jenis Assimilasi	12
Model Konsep Assimilasi oleh Orang	15
Integrasi	17
Marginal Man atau Marginal Group	22
Masyarakat Baba Sebagai 'Marginal Man'	25
Konsep Melayu dan Kaitannya dengan Pengertian Masuk Melayu dan Masuk Islam	26
 BAB III : LATARBELAKANG MASYARAKAT BABA DI MELAKA	 29
Latarbelakang Sejarah Kedatangan Komuniti China Ke Nusantara	29
Latarbelakang Sejarah Kedatangan Komuniti China Ke Melaka	30
Pengujudan Komuniti Baba	36
Ciri-Ciri Fizikal Orang Baba	39
Taburan Kependudukan Masyarakat Baba Kini Di Melaka	42
Struktur Famili Baba...	45

Mukasurat

Pendidikan Dikalangan Masyarakat Baba	...	...	46
Keadaan Ekonomi Masyarakat Baba	...		50
<b>BAB IV : ANALISA BUDAYA DAN SUDUT BUDAYA</b>			
<b><u>KEBENDAAN (MATERIAL CULTURE)</u></b>			
Pakaian	...	...	52
Pakaian Untuk Majlis dan Adat Istiadat Perkahwinan	...		52
dan Kepercayaan Yang Terdapat Mengenainya			55
Makanan Masyarakat Baba	...		57
Hiasan Dalam Rumah...	...		61
<b>BAB V : ANALISA BUDAYA DARI SUDUT BUDAYA</b>			
<b><u>BUKAN-KEBENDAAN (NON-MATERIAL CULTURE)</u></b>			
Bahasa Yang Digunakan oleh Orang Baba	...	...	64
Istiadat Perkahwinan dalam Masyarakat Baba	...	...	71
Kelahiran dan Pantang Larang Yang Berkait Dengan Kepercayaan Mereka	...		75
Upacara Kematian dan Pantang Larang Yang Diamalkan	...		77
Kepercayaan dan Ugama Dikalangan Masyarakat Baba	...	...	81
Hari-Hari Perayaan Yang Penting	...		84
Sikap Orang Baba Terhadap Ugama dan Kepercayaan Mereka	...		88
<b>BAB VI : KESIMPULAN: SEJAUHMANAKAH INTEGRASI DAN ASSIMILASI MASYARAKAT MARGINAL</b>			
<b><u>BAB TERHADAP MASYARAKAT MELAKU TELAH BERLAKU</u></b>			
BERLAKU	...	...	90

Mukasurat


Sejauhmanakah Proses-Proses Ini Telah Berlaku	...	...	90
Paktor-Paktor Penghalang Kepada Proses Integrasi dan Assimilasi			96
<b>Bibliografi</b>	...	...	101
Lampiran I: Hybrid Words	...		104
Lampiran II: Gambar Mengenai Makanan Baba			106

BAJAR 1	: KAWASAN ANAK GURU DI SEKITAR LAJU	...	35
BAJAR 2	: RAKYAT BAJAR KEDUA DI SAINIGAM		46
BAJAR 3	: PANDANGAN DARI ANAK GURU BABA	...	63

SENARAI JADUAL DAN RAJAHMukasurat

JADUAL 1	:	PERKEMBANGAN PENDUDUK CHINA DI TANAH MELAYU 1871 - 1941...	32
JADUAL 2	:	JUMLAH PENDUDUK BABA BERDASARKAN UMUR DAN JANTINA ***	43
JADUAL 3	:	PERINGKAT PERSEKOLAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT BABA ...	48
RAJAH 1	:	KAWASAN ASAL ORANG CHINA DI SEBERANG LAUT *** ...	35
RAJAH 2	:	GAMBAR RAJAH KELUARGA GABUNGAN	46
RAJAH 3	:	PANDANGAN DARI ATAS RUMAH BABA ***** ...	63

KAWASAN KAMPUNG KEBANGAN MELAKA.



TERANGAN



RUMAH TERES.



LORONG



KAWASAN  
PERKUATIAHAN BERSELEKAR



SEKOLAH.

JALAN RAYA.



MASJID

SCALE  $\frac{1}{2}$  in. =  $\frac{1}{2}$  bt.

akan proses integrasi dan assimilasi tadi. Disamping itu  
juga dilihat juga sejauh berapakah faktor yang boleh mempengaruhi  
kepadanya proses ini untuk mencapai kesempurnaan peringkatnya.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1. Tujuan Kajian

Latihan ilmiah ini bertujuan untuk melihat hubungan yang berlaku diantara kumpulan marginal Baba dengan kumpulan Melayu yang dominan dalam komposisi masyarakat Malaysia. Dalam kajian ini yang ditekankan ialah aspek integrasi dan assimilasi yang ujud akibat daripada hubungan tadi. Selain daripada itu dikaji juga adakah proses yang berlaku ini neneapai peringkat kesempurnaannya sehingga tidak akan menimbulkan lagi masalah-masalah dalam hubungan yang dilakukan. Disamping itu juga sekiranya hubungan itu masih lagi tidak sempurna, akan dilihat sejauhmanakah integrasi dan assimilasi ini telah dilakukan.

Dalam melihat proses integrasi dan assimilasi ini akan diberi penekanan kepada beberapa faktor yang dianggap penting. Diantaranya ialah faktor ugama. Ugama akan dilihat samada iaanya boleh menjadi satu faktor yang dapat menyatukan atau mengukuhkan lagi integrasi dan assimilasi yang masih berjalan itu.

Kemudian faktor sosial juga akan dilihat samada iaanya boleh dijadikan sebagai faktor pendorong yang asasi

dalam proses integrasi dan assimilasi tadi. Disamping itu akan dilihat juga apakah faktor-faktor yang boleh menghalang kepada proses ini untuk mencapai ke peringkat sempurna.

Tajuk ini dipilih kerana kajian seperti ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji pun. Apa yang mereka lakukan selama ini ialah melihat hubungan diantara golongan majoriti misalnya diantara golongan Melayu dengan golongan China atau India. Jadi, sekarang cuba dilakukan satu kajian mikro diantara golongan marginal dengan golongan dominan.

Kumpulan marginal yang dipilih ialah kumpulan Baba yang terdapat di kawasan perkampungan Melayu di Limbungan, Melaka Tengah, Melaka. Kawasan ini dipilih kerana percaturan penduduknya diantara orang-orang Baba dan Melayu, dan hidup berjiran di dalam keadaan yang baik serta harmoni.

## 2. Kaedah Kajian

Dalam kaedah kajian, ianya boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu:-

a. research design

b. metode pengumpulan data

### a. Research Design

Kajian ini merupakan satu kajian kes iaitu dipilih satu kawasan yang kecil daripada kawasan penempatan masyarakat

Baba keseluruhannya, untuk dijadikan sempoi kajian. Kemudian dijalankanlah proses pengumpulan data-data yang diperlukan, lalu dianalisa dan akhirnya diperbuatkan perbandingan dengan masyarakat lain (Melayu) supaya dapat dibuat satu kesimpulan yang sesuai untuk kedua-dua masyarakat yang dikaji.

b. Metode pengumpulan data

Dalam kaedah pengumpulan data yang dikendalikan itu, telah digunakan beberapa kaedah yang difikirkan sesuai. Diantaranya ialah:-

(i) Kaedah "participant observation" - metode ini memerlukan pengkaji tinggal bersama-sama dengan responden. Semasa percampuran berlaku, pemerhatian yang teliti diberikan kepada aktiviti yang dilakukan oleh mereka, sikap mereka, tingkah laku dan pandangan hidup mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar mereka.

Disamping itu, untuk mendekatkan pengkaji dengan masyarakat ini, boleh juga dilakukan temuramah (interview). Biasanya responden ini dipilih berdasarkan peringkat umur iaitu peringkat kanak-kanak dan remaja (berumur diantara belasan tahun), peringkat dewasa (berumur diantara 20 tahun hingga 40 tahun) dan peringkat tua (diantara 40 tahun keatas). Tujuan temuramah dilakukan ialah untuk mendapatkan beberapa maklumat yang diperlukan dimana akan diberikan secara tidak disedari seperti misalnya sikap mereka terhadap perkembangan

politik tanahair, ugama dan sebagainya yang sukar untuk diperolehi dengan tepat melalui soalan-soalan questionnaire. Selain daripada itu ianya dilakukan untuk mendapatkan keserasaan dan penerimaan sewajarnya daripada mereka ini supaya kerjasama yang diperlukan dapat dicapai.

(ii) Questionnaire - ianya digunakan untuk mendapatkan data-data mengenai taburan penduduk, pekerjaan mereka, bentuk ugama dan kepercayaan yang dianut, pendidikan ajak-anak, pendapatan mereka dan lain-lain bentuk maklumat yang diperlukan.

Kedua-dua kaedah ini tidaklah digunakan secara berasingan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Semasa soalan questionnaire diedarkan kepada responden untuk diisi, maka temuramah akan dijalankan umumnya secara informal. Dengan ini maklumat-maklumat yang dikehendaki itu akan didapati melalui dua kaedah dalam masa yang sama.

### 3. Kesulitan dan Batasan Kepada Kajian

Ketika menjalankan kajian ini, penulis telah menghadapi banyak kesulitan-kesulitan dan ada diantaranya yang boleh meninggalkan kesan keatas kajian yang dilakukan ini. Diantara kesulitan-kesulitan yang timbul ialah:-

#### 1. Masalah kerjasama

Semasa dilakukan kajian, didapati masyarakat

Baba yang dipilih ini agak kurang memberikan kerjasama. Kerjasama yang diberikan hanyalah setakat memberikan jawapan-jawapan yang dikehendaki secara tidak mendalam. Keadaan ini berlaku bukan disebabkan mereka tidak tahu tetapi kerana mereka enggan memberikan maklumat secara mendalam, cukuplah setakat yang telah diberikan.

Situasi ini timbul mungkin disebabkan telah banyak kajian-kajian dilakukan keatas mereka ini. Jadi, keadaan ini setidak-tidaknya menimbulkan perasaan di hati mereka, kenapakah kerap benar orang bertanyakan mengenai hal mereka. Ini mengujudkan satu perasaan takut dan tidak percaya kepada orang-orang asing. Tetapi sambutan seperti ini tidak akan mereka berikan kepada pengkaji yang datang daripada kawasan mereka sendiri. Jadi, untuk mengatasi masalah ini pengkaji telah menggunakan seorang perantaraan yang telah biasa dengan mereka. Namun begitu keadaan yang seperti ini tetap ada, malah terdapat juga diantara mereka ini yang tidak mahu langsung memberikan kerjasama. Sebaliknya mereka ini marah terhadap pengkaji dengan mengatakan tidak perlu masyarakat Baba ini dikaji lagi dan kalau pun hendak dikaji juga ianya memakan masa yang lama; tidak cukup sebulan saja. Ini sebenarnya hanyalah merupakan alasan mereka saja untuk tidak mahu memberikan kerjasama.

Ekoran daripada kurangnya sambutan dan kerjasama

ini telah menyebabkan data-data yang diperolehi mungkin tidak tepat seperti yang dikehendaki. Oleh kerana itu kemungkinan terdapat salah pengertian dan kurang tepat adalah tidak dapat dielakkan lagi.

## 2. Kesulitan dari segi masa

Kajian ini telah dilakukan di kawasan Limbungan iaitu bahagian Melaka Tengah dan ianya adalah merupakan kawasan yang berdekatan dengan bandar Melaka. Kajian dimulakan pada pertengahan bulan Februari hingga ke pertengahan bulan Mac. Ini bermakna kajian telah dijalankan lebih kurang dalam masa satu bulan. Masa sebulan ini sebenarnya tidak mencukupi untuk menjalankan kajian perbandingan ini.

Ini disebabkan masa yang agak lama diperlukan untuk memupuk perasaan keserasan diantara pengkaji dengan responden sekiranya kepercayaan mereka terhadap pengkaji hendak <sup>+</sup>dizingkatkan lagi. Tetapi kenyataannya adalah bertentangan kerana dalam masa sebulan itu pun masih kurang sambutan dan kerjasama yang diberikan, apa lagi untuk mendapatkan kepercayaan daripada mereka.

Selain daripada itu pemerhatian yang lebih mendalam juga tidak dapat dibuat terutamanya keatas sikap dan pandangan mereka terhadap perkembangan politik tanahair. Malah pengkaji tidak dapat menyaksikan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di kalangan mereka seperti pesta per-

kahwinan ataupun kematian kerana peristiwa-peristiwa ini tidak berlaku. Jadi, maklumat-maklumat mengenai perkara ini hanya berdasarkan ingatan dan pengalaman mereka sahaja, tidak dapat dilihat persediaannya secara realiti.

Ini mungkin menimbulkan keadaan dimana terdapat penjelasan dan penerangan yang diberikan tidak tepat ataupun bertentangan kerana data-data yang didapati seperti yang dikatakan di atas adalah berdasarkan kepada ingatan mereka sahaja ataupun pengalaman yang mereka alami sendiri. Oleh kerana itu sekiranya tempoh kajian yang agak lama digunakan kenungkinan kesulitan-kesulitan ini dapat diatasi.

### 3. Kesulitan kekurangan bahan-bahan bacaan yang sesuai

Bahan-bahan bacaan mengenai masyarakat Baba agak kurang. Kajian perpustakaan yang telah dibuat menunjukkan keterangan-keterangan yang diberikan berlainan daripada maklumat yang diberikan oleh masyarakat Baba ini. Perbedaan yang timbul ini menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada penulis dan ini tidak memberikan pertolongan yang banyak di dalam kajian-kajian ini. Kalaupun ada keterangan yang berkaitan ianya adalah merupakan hasil daripada satu kajian yang telah dijalankan dalam tempoh masa yang telah lama. Ini mungkin tidaklah menepati keadaan yang ada pada hari ini dimana perubahan-perubahan telah banyak berlaku

keatas masyarakat Baba ini sekiranya dibandingkan dengan masyarakat dulu.

#### ~~PROBLEMS OF RESEARCH~~

Selain daripada itu keterangan yang boleh didapati daripada Pejabat Penerangan dan lain-lain sumber juga tidak memberikan pertolongan yang banyak. Ini menunjukkan bahawa satu kajian yang mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan segera sebelum masyarakat Baba ini menyerapkan ciri-ciri kebudayaan mereka kedalam masyarakat lain yang lebih dominan.

~~Antara ini adalah~~

Kesemua kesulitan yang disebutkan di atas walaupun memberikan kesan kekurangan maklumat, tetapi penulis telah berusaha untuk memenuhi matlamat dan tujuan kajian yang dilakukan ini. Sekiranya terdapat kekurangan ini adalah berpunca daripada masalah-masalah yang telah disebutkan di atas.

~~Conclusion~~

~~CONCLUSION~~ *Some people talk about the difficulties of research among the Chinese. I think there are no difficulties in research among the Chinese if we can get rid of the preconceived ideas and the stereotypes which are still existing in our society.*

*"A process in which person of diverse ethnic and social background come to interact, free of those constraints in the life of the larger community." (1)*

(1) David L. Sills *Encyclopedia of Social Behavior*, Vol. 1, New York, 1970, p. 41. *Terjemahan Melayu yang diberikan*.

"Seseorang perlu dalam proses penelitian menghilangkan rasa dan pandangan yang berstigma, berdiskriminasi, berasaskan batas dan ketidaksetaraan yang ditularkan dalam masyarakat yang lemah kuasa."

## BAB II

### RIDANG TEORI DAN KONSEP

Dalam bab ini akan dibincangkan beberapa konsep penting dan basik, dimana definisinya akan diberikan supaya perkaitan akan dapat diperlihatkan dengan jelas dengan bab yang kemudian. Konsep-konsep ini juga dijelaskan supaya satu fahaman dapat diujudkan terutamanya dalam melihat latihan ini secara keseluruhannya. Diantara konsep-konsep yang digunakan ini ialah konsep integrasi, assimilasi, kumpulan "marginal", konsep Melayu dan perkaitannya dengan masuk Melayu dan masuk Islam. Pembincangan ini akan diberikan secara satu persatu.

#### 1. Assimilasi

George E. Sympson telah memberikan definisi assimilasi sebagai:-

"a process in which person of diverse ethnic and racial background come to interact, free of these constraints in the life of the larger community."(1)

(1) David L. Sills: Encyclopedia of Social Science, Vol.1, New York, 1970, ms. 483. Terjemahan Melayunya ialah:-

"Satu proses dalam mana seorang manusia dari latarbelakang ras dan ethnik yang berbeda, berinteraksi bebas dari tekanan-tekanan yang didapati dalam masyarakat yang lebih luas."

Sementara itu Robert E. Park dan E.W. Burgess pula mendefinisikannya sebagai:-

*interpenetration*

"a process of interpretation and fusion in which persons and groups acquire the memories, sentiments and attitudes of other persons or groups by sharing their experience and history; are incorporated with them in a common cultural life."(2)

Ini adalah bermakna assimilasi adalah satu proses dimana individu daripada golongan ethnik dan ras yang berlainan berinteraksi, bebas daripada tekanan-tekanan hidup dalam satu masyarakat yang lebih besar. Mereka ini juga diketahui mempunyai kenangan, perasaan dan sikap yang sama dengan individu atau kumpulan yang lain. Ini mereka perolehi dengan berkongsi pengalaman dan sejarah; dengan menggabungkan diri dengan mereka dalam kehidupan dan kebudayaan yang sama.

Selanjutnya Park dalam bukunya "Race and Culture" menambah bahawa assimilasi adalah proses yang berlaku dalam masyarakat dimana individu-individu dengan cara yang spontan mengamalkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat lain atau kumpulan lain iaitu termasuk tindakan, bahasa, sikap dan keugamaan, juga proses dimana individu-individu dan kelompok

(2) Milton Gordon - Assimilation in American Life, Oxford University Press, New York, 1964, ms. 62. Terjemahan Melayunya ialah:-

"Satu proses kemasukan dan perpaduan dimana individu-individu dan kumpulan memiliki ingatan, sentimen dan sikap dari individu atau kumpulan yang lain dengan berkongsi pengalaman dan sejarah mereka; yang mana berkait rapat dengan mereka dalam satu kehidupan budaya yang sama."

disatukan dalam kelompok masyarakat yang lebih besar. Namakala Minako Kurokawa pula mendefinisikan assimilasi sebagai:-  
 "the process by which group with diverse beliefs and behaviour patterns become absorb into another culture. The end product of this process is the elimination of a group as a distinct cultural entity."(3)

Oleh kerana itulah didapati assimilasi ini selalu berlaku dalam keadaan dimana seseorang atau kumpulan yang berpindah itu masuk kedalam "host society". Ini adalah disebabkan mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan di tempat yang baru itu supaya mereka diterima baik oleh masyarakat itu, lebih-lebih lagi kalau kumpulan yang mendatang itu adalah kumpulan minoriti. Apa yang akan mempercepatkan proses assimilasi ini adalah hubungan asas yang ujud antara kumpulan-kumpulan yang berinteraksi itu.

Ringkasnya daripada definisi di atas dapat disimpulkan bahawa assimilasi akan mudah berlaku sekiranya terdapat ciri-ciri berikut:-

1. Pertembungan dua atau lebih individu atau kumpulan yang berlainan keturunan dan kebudayaan, khasnya

(3) Minako Kurokawa - Minority Responses, Random House, New York, 1970, ms. 71. Terjemahan Melayunya ialah: "proses dimana kumpulan yang mempunyai pola kepercayaan dan kolakuan yang berlainan, meresap kedalam budaya lain. Hasil daripada proses ini ialah penghapusan kumpulan tadi sebagai satu entiti budaya yang tersendiri."

dimana berlakunya kemasukan satu kumpulan minoriti kedalam satu masyarakat yang lebih besar dan dimana satu pihak lebih lemah daripada pihak yang lain. Pihak yang lemah akan membuat lebih banyak penyesuaian dan perubahan daripada masyarakat yang kuat.

2. Perhubungan yang ujud daripada pertembungan ini adalah berlanjutan di dalam satu kawasan, iaitu masyarakat yang dimasuki.

3. Interaksi yang ujud antara dua pihak adalah bercorak hubungan asas kerana daripada itu akan mengujudkan perasaan kekitaan antara sesama anggota masyarakat tidak kira golongan ethniknya.

4. Ujudnya perasaan kesetiaan (royalty) dan pengorbanan untuk masyarakat yang dimasuki.

## 1.2 Jenis-Jenis Assimilasi

Gordon telah mengklasifikasikan assimilasi kepada tujuh jenis iaitu:-

1. Assimilasi kebudayaan atau perlakuan (cultural or behavioral assimilation), dimana berlakunya perubahan pola kebudayaan mengikut corak kebudayaan masyarakat tuanrumah. Dalam jenis ini termasuklah assimilasi daripada jenis kepercayaan dan nilai.

2. Assimilasi struktur dimana terdapat kemasukan orang atau kumpulan yang mendatang secara meluas kedalam clique, kelab dan institusi-institusi sosial masyarakat tuanrumah.
3. Assimilasi perkahwinan (marital assimilation) yang berperistiwa dimana berlakunya perkahwinan campuran yang telah mencapai luas diantara kumpulan yang mendatang dengan matang bagi masyarakat yang dimasuki.
4. Assimilasi Identifikasi (Identificational assimilation) dimana ujud perasaan kekitaan yang diasaskan kepada masyarakat tuanrumah.
5. Assimilasi penerimaan perlakuan (behaviour receptional assimilation) iaitu keadaan dimana tidak ada diskriminasi terhadap orang di luar kumpulan yang bertembung dan mengamalkan kebudayaan mereka.
6. Assimilasi penerimaan sikap (attitude receptional assimilation) dimana tidak ada perasaan prasangka terhadap orang atau golongan yang bertembung dengan mereka.
7. Assimilasi sibik (civic assimilation) iaitu keadaan dimana hilangnya konflik nilai dan perebutan kuasa diantara kedua pihak yang akan

langsung melahirkan pula satu sistem kebudayaan yang baru yang merupakan campuran daripada dua kebudayaan yang terlibat.

Diantara jenis-jenis assimilasi ini terdapat perkaitan yang rapat dan juga memperlihatkan perkembangan yang berperingkat-peringkat. Apabila suatu golongan itu telah menerima ciri-ciri kebudayaan masyarakat lain, maka mudahlah bagi mereka untuk bercampurgaul dan berenang mesra. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh keanggotaan dan pergaulannya di dalam kelab-kelab, kumpulan-kumpulan dan institusi sosial masyarakat itu. Hal ini pula akan membawa kepada perkahwinan campuran. Ini adalah disebabkan oleh proses sosialisasi dan alam sekitar yang sama boleh menyuburkan perasaan berbaik-baik dan ini dapat menghapuskan kebencian.

Perkahwinan campuran yang luas akan menyebabkan golongan minoriti dengan sendirinya menghilangkan identiti kumpulannya kedalam kumpulan yang lebih besar. Dari pada sini ujud pula assimilasi identifikasi iaitu dimana anggota-anggota kumpulan minoriti tidak lagi mengenalkan diri mereka sebagai kumpulan asal sebaliknya sebagai ahli masyarakat baru itu. Dengan ini juga perasaan prasangka dan diskriminasi akan dapat diatas. Perhubungan yang mesra diantara mereka akan menimbulkan perasaan "in-group" yang dapat menyatukan mereka. Setelah assimilasi berlaku dengan sepenuhnya, maka konflik nilai dan perebutan kuasa tidak lagi berlaku, tetapi

ianya mengakau masa yang lama. Menurut Park assimilasi ini berlaku secara tidak disedari dan akan hanya diketahui apabila terdapat gangguan terhadap proses yang sedang berlaku ini.

Jadi, berdasarkan pembahagian di atas Gordon telah membuat kesimpulan bahawa assimilasi kebudayaan atau akulturasi adalah merupakan jenis assimilasi yang mula-mula berlaku bila satu golongan minoriti muncul di dalam sebuah masyarakat dan ianya akan ujud walaupun tidak ada jenis-jenis assimilasi yang lain atau kalaupun ada berlaku, proses keujudannya adalah lambat.

Dagi Walter P. Zenner, beliau melihat assimilasi dari aspek masa dan dengan itu membahagikannya kepada dua bahagian iaitu radikal dan gradual. Hal ini bergantung kepada jenis dan bentuk masyarakat atau kumpulan ethnik yang diassimilasikan iaitu samada ianya jenis masyarakat Corporation atau non-corporation. Jenis masyarakat corporation ialah kumpulan yang diikat oleh sistem-sistem kuatkuasa yang formal dimana asssimilasi akan berlaku dengan cepatnya semen-tara jenis masyarakat non-corporation, assimilasi berlaku secara perlahan-lahan dimana terdapat ikatan yang tertentu tetapi mereka tidak diikat oleh sistem kuatkuasa yang formal.

### 1.2 Model Konsep Assimilasi

Model konsep assimilasi ini diambil dari model M. Gordon yang mendasarkannya kepada masyarakat Amerika yang

mempunyai berbagai golongan ethnik yang telah diassimilasi-kan oleh golongan Anglo-Saxon sewaktu mereka datang ke Benua Amerika dahulu. Gordon telah mengemukakan tiga model bagaimana proses ini telah berlaku.

### 1. Model Anglo Conformity

Orang Anglo-Saxon ini menganggap segala kelebihan adalah ujud di dalam kumpulan mereka. Oleh itu mereka cuba menghapuskan kebudayaan asal pendatang dengan menggalakkan orang itu mengamalkan kebudayaan mereka di dalam semua aspek kehidupan. Untuk mencapai tujuan ini mereka mengekalkan kebudayaan mereka sebagai kebudayaan yang dominan dan standard untuk masyarakat Amerika tanpa mengira asal kedatangan mereka.

### 2. Model Melting Pot

Teori ini mengatakan bahawa golongan terbanyak orang kulit putih dari berbagai bangsa di Eropah bergandingan sama membentuk satu bangsa dan kebudayaan yang baru, diantara mereka termasuklah bangsa Jerman, Sweden dan Perancis.

### 3. Model Cultural Pluralism

Teori ini menyatakan setiap golongan ethnik membentuk ethnik yang tersendiri yang diterima pula oleh golongan masyarakat yang dominan. Perpaduan yang dicapai melalui kepatuhan imigran kepada kebudayaan masing-masing

dan menghurnati kebudayaan orang lain dan dengan ini imigran berpeluang untuk mengekalkan sifat-sifat kebudayaan asal mereka.

Akibat daripada proses assimilasi ini akan mengujudkan keadaan integrasi diantara golongan ethnik yang berlainan. Dan berikutnya diberikan pengertian integrasi itu.

## 2. Integrasi kepada perasaan (solidarity of association)

Sebelum diberikan definisi integrasi, maka terlebih dahulu difikirkan perlu untuk memberikan beberapa pandangan sarjana-sarjana sosiologi menganai pengertian integrasi. Di antara ahli-ahli sosiologi yang membincangkan pengertian ini ialah Auguste Comte (1798 - 1857). Comte berpendapat bahawa susunan sosial yang ujud di dalam masyarakat itu adalah merupakan satu undang-undang alam (Law of Nature) yang mana anggota-anggota sesuatu masyarakat itu dapat menyusun perlakuan dan aktiviti sosial mereka sehari-hari. Faktor utama yang terdapat di sini ialah apa yang dikatakan sebagai "consensus universalis" iaitu kolerasi yang ujud diantara unsur-unsur individu di dalam sesebuah masyarakat. Ini bermakna ujudnya kerjasama diantara anggota masyarakat atau sebaliknya. "Consensus universalis" inilah yang menurut beliau merupakan asas utama perpaduan masyarakat disamping menjadi asas kepada pembahagian kerja. Dengan ini tiap-tiap anggota masyarakat dapat dijalankan fungsi-fungsi tertentu

untuk mendorong kehidupan masyarakat itu.

Seorang lagi sarjana sosiologi yang membicarakan konsep integrasi ini ialah Emile Durkheim (1858 - 1917). Pada pendapat beliau terdapat dua jenis perpaduan yang ujud dalam masyarakat amnya iaitu:-

1. Mechanical solidarity yang merupakan perpaduan yang diasaskan kepada persamaan (*solidarity of resemblance*) iaitu keadaan dimana anggota masyarakat itu tidak banyak berbeza diantara satu dengan lain, mereka mempunyai perasaan kekitaan yang kuat, tanggapan yang sama terhadap sesuatu dan memegang serta mematuhi nilai-nilai yang sama. Menurut beliau, masyarakat jenis perpaduan ini dikenali dengan nama masyarakat primitif atau "archaic".

2. Organic solidarity adalah berdasarkan kepada perbedaan. Manusia biasanya memerlukan pertolongan daripada orang lain untuk memenuhi kehendak-kehendaknya yang tidak terbatas. Melalui perbedaan-perbedaan ini mereka melakukan tugas-tugas yang berlainan dan khusus. Tugas-tugas itu sebenarnya adalah saling melengkapi diantara satu dengan lain. Dengan ini ujud saling bergantungan yang menjadi asas kepada perpaduan organik.

Istilah organik yang dimaksudkannya adalah sama seperti yang terdapat satu organisme biologi. Kehidupan

organisma itu (umpamanya sebatang pokok) adalah bergantung kepada bahagian yang lain (akar, batang, dahan, daun dll.) yang tiap-tiap satunya menjalankan tugas yang berlainan. Tetapi di dalam perbedaan dan kelainan tugas ini ujud saling melengkapi di dalam satu suasana yang harmoni. Menurut Durkheim lagi, perpaduan organik ini ujud di dalam masyarakat moden dinamakan terdapat darjah pengkhususan yang tinggi. Setiap individu membuat satu jenis kerja sahaja di dalam satu bidang yang tertentu. Namun begitu diantara mereka ujud sifat saling bergantungan dan melengkapi yang memerlukan keharmonian demi untuk kelancaran tugas dan aktiviti sosial sehari-hari.

Daripada perbincangan di atas, maka bolehlah difahamkan apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan dan dengan itu boleh diberikan definisinya. Menurut Schermerhorn, integrasi boleh ditakrifkan sebagai:

"a process whereby units or elements of a society are brought into an active and co-ordinated compliance with the ongoing activities and objectives of the dominant group in that society." (4)

- 
- (4) Schermerhorn, R.A.: Comparative Ethnic Relation: A Framework of Theory and Research, Random House, New York, 1970; ms. 14. Terjemahan Melayunya ialah: "satu proses dimana unit-unit atau unsur-unsur sesuatu masyarakat dibawa masuk kedalam kumpulan yang dominan dan bekerjasama serta menyesuaikan diri terhadap kegiatan dan objektif yang sedang berlaku dalam masyarakat itu."

Sementara itu Philip Mason pula berpendapat bahawa integrasi dapat diterangkan dalam tiga proses iaitu penyerapan (absorption), assimilasi dan penerimaan. Menurut Mason penyerapan berlaku bila masyarakat itu menghilangkan kesemua identitinya dan memasukkan dirinya kedalam kumpulan yang dominan. Assimilasi pula bermaksud kumpulan itu bergaul dengan anggota masyarakat yang lain dan menghilangkan perbedaan kebudayaan kecuali pada nama dan ciri-ciri fizikalnya seperti orang Eropah di Amerika Syarikat. Menurut Mason lagi, integrasi kalaupun tidak membawa kepada assimilasi atau penyerapan, sekurang-kurangnya akan membawa kepada penyesuaian pada kumpulan minoriti dan akomodasi pada kumpulan majoriti.

Michael Banton pula telah memberikan enam jenis perhubungan yang ujud apabila anggota-anggota daripada dua masyarakat yang berlainan berinteraksi. Jenis-jenis perhubungan ini ialah :-

1. "peripheral contact" iaitu keadaan dimana berlakunya pertukaran diantara dua masyarakat itu tetapi ia tidak membawa kepada apa-apa bentuk penyesuaian atau perubahan pada masyarakat yang terlibat.
2. "institutionalized contact" iaitu hubungan yang ujud bila salah satu masyarakat itu mempunyai sistem politik yang berpusat. Hanya segelintir sahaja orang yang
3. Perhubungan integrasi. Kedua-dua sifat anggota

akan terlibat di dalam interaksi ini dan mereka cuba mengawal pergerakan sebahagian besar anggota masyarakat yang lain. Golongan yang berkuasa ini menggunakan berbagai-bagai kemudahan yang ada di tangan mereka seperti institusi-institusi sosial. Mereka ini sebenarnya memainkan peranan dalam dua sistem sosial yang berlainan iaitu masyarakatnya sendiri dan sistem perhubungan antara dua masyarakat tadi.

3. Perhubungan "domination" iaitu apabila salah satu masyarakat itu menguasai atau menakluki masyarakat yang lain. Ini akan mengujudkan sistem yang terbahagi dua iaitu sistem tempatan dan sistem nasional.

4. Perhubungan Perbandingan. Ini ujud apabila berlakunya penaklukan tetapi kumpulan yang berkuasa sebenarnya dikuasai atau dipengaruhi oleh negara induknya, terutama dalam hal-hal yang penting seperti hubungan yang ujud diantara Malaya dengan kerajaan British Malaya pada abad ke 19 dahulu.

5. Perhubungan "Pluralisma" yang merupakan keadaan dimana kumpulan-kumpulan minoriti diberi hak untuk berpolitik yang sama tetapi perbedaan diantara ras atau ethnrik itu tetap diperkuuhkan dari masa kesemasa. Oleh itu ras tidak menunjukkan perbedaan peranan tetapi menunjukkan variasi di dalam "expected-behaviour" di dalam banyak hal.

6. Perhubungan integrasi. Keadaan dimana anggota

masyarakat yang berinteraksi tidak memperdulikan perbedaan etnik (walaupun tidak sepenuhnya) tetapi ia masih digunakan sebagai tanda sosial (*social sign*). Keadaan ini jelas ter-dapat dalam masyarakat Malaysia, umpannya orang China selalu dianggap kaya dan rajin bekerja sedangkan orang Melayu dianggap miskin dan pemalas.

*"One who is poised in psychological uncertainty between two (or more) social worlds, roving."*

### 3. "Marginal Man" atau "Marginal Group"

Konsep "marginal man" ini mula diperkenalkan oleh Robert E. Park pada tahun 1928 yang kemudiannya diperbaiki pula oleh Stonequist dan lain-lain sarjana sosiologi. Teori yang dikemukakan oleh kedua-dua sarjana ini telah mendapat banyak kritikan-kritikan daripada sarjana-sarjana selepas mereka seperti oleh Goldberg, Golovensky, Aaron Antonovsky dan sebagainya. Untuk memudahkan penahaman, maka terlebih dahulu diberikan definisi 'marginal man' yang dikemukakan oleh Park dan Stonequist ini. Mengikut Park:-

"Marginal man ..... is one whom fate has condemned to live in two societies and in two, not merely different but antagonistic, cultures"(5)  
and "a cultural hybrid, a man living and sharing intimately in the cultural life and traditions of two distinct

(5) David I. Golovensky. "The Marginal Man Concept: An Analysis and Critique" dlm. Social Forces, 30, Mac, 1952; ms. 334; Terjemahan Melayunya ialah:-

Marginal man .....ialah seseorang yang telah ditentukan oleh nasib untuk hidup di dalam dua masyarakat dan dua budaya yang walaupun tidak menyenyai banyak perbedaan tetapi bertentangan."

peoples; never quite willing to break, even if he were permitted to do so, with his past and his traditions, and quite accepted, because of racial prejudice, in the new society in which he now sought to find a place. He was a man on the margin of two cultures and two societies which never completely interpenetrated and fused."(6)

Sementara Stonequist pula berpendapat:-

"One who is poised in psychological uncertainty between two (or more) social worlds, reflecting in his soul the discords and harmonies, repulsions and attractions of these worlds, one of which is often "dominant" over the other; within which membership is implicitly based upon birth or ancestry (race or nationality); and where exclusion removes the individual from a system of group relations."(7)

Jadi, berdasarkan kepada kedua-dua pendapat ini jelaslah bahawa konsep "marginal man" ini menunjukkan bahawa ia merupakan hasil pertemuan dua ras atau budaya. Mereka

- (6) Milton M. Goldberg, "A Qualification of the Marginal Man Theory" dlm. American Sociological Review, Vol. 6; February, 1941, ms. 52 - 53; Terjemahan Melayunya ialah:

"budaya campuran seseorang yang hidup dan berkongsi dalam kehidupan budaya dan tradisi dari 2 kumpulan manusia yang berlainan; tidak mahu meninggalkan tradisinya walaupun diizinkan; dan tidak berapa diterima oleh masyarakat yang baru kerana prasangka ras. Ia adalah manusia yang duduk diantara 2 budaya dan 2 masyarakat yang mana tidak pernah merebak dan bercampur dengan sempurna."

- (7) Alan C. Kerckhoff: "Marginal Status and Marginal Personality", dlm. Social Forces; 34 (October, 1955) ms. 48. Terjemahan Melayunya ialah:-

"seseorang yang mencari kesimbangan di dalam ketidak tentuan saikologi diantara dua (atau lebih) masyarakat, dijelaskan di dalam jiwanya perasaan pertentangan dan harmoni, penolakan dan penerinsan masyarakat tadi, yang mana sebalunya dikuasai oleh salah satu daripadanya; dimana keanggotaan adalah berdasarkan kelahir-

ini mempunyai hubungan dengan kedua-dua pihak tetapi tidak tergolong di dalam mana-mana satu pun. Oleh kerana itu mereka ini mengajukan sifat-sifat mereka sendiri yang merupakan hasil daripada kedudukan mereka diantara dua budaya tadi. Ini menyebabkan mereka menderita akibat daripada ketidak tentuan dan takut akan diketepikan dan takut mengalami kegagalan. Oleh kerana itu, maka akan ujud di fikiran mereka bahawa masyarakat luas akan menolak kehadiran mereka walaupun pada realitinya ini tidak berlaku.

Park telah menggunakan konsep ini keatas mereka yang berasal daripada percampuran bangsa, sementara Stonequist pula menambah dengan mengatakan bahawa mereka yang termasuk dalam golongan ini mempunyai dua kesedaran dan lekas perasa (*hypersensitive*) serta "hypercritical". Oleh kerana mereka ini terasa diketepikan maka mereka selalu objektif di dalam pandangan mereka terhadap kedua-dua budaya. Berdasarkan keadaan ini Stonequist telah menyarankan bahawa secara em manusia marginal ini mungkin melibatkan diri mereka ketiga arah iaitu assimilasi kedalam kumpulan yang dominan; assimilasi kedalam kumpulan subordinate; atau mengadakan akomodasi diantara dua masyarakat yang mereka tinggal di dalamnya. (8)

---

an atau keturunan (bangsa atau kebangsaan); dan dimana penyingkiran seseorang individu dari sistem hubungan kumpulan itu."

(8) Terjemahan dari Noel P. Gist & Anthony Gary Dworkin: The Blending of Race, New York, 1972; ms. 10.

### 3.1 Masyarakat Baba Sebagai 'Marginal Man'

Masyarakat Baba ini dianggap sebagai kumpulan marginal kerana ianya didapati agak menepati definisi yang diberikan di atas (oleh Park dan Stonequist). Kumpulan Baba ini sebenarnya adalah merupakan masyarakat yang menganggalkansatu budaya yang mempunyai ciri-ciri Kenelayuan dan Kechinaan. Ini bermakna ia hidup dan mengamalkan budayanya yang berasal daripada dua kelompok ras yang berlainan. Dan ia juga merupakan kumpulan yang lemah dimana ia banyak dikuasai dan dipengaruhi oleh kumpulan yang lebih dominan iaitu masyarakat Melayu.

Hasil daripada keadaan yang begini ini telah menimbulkan dari sudut budaya satu keadaan yang mempunyai tendensi untuk menggabungkan diri mereka kedalam kumpulan yang dominan tadi ataupun sekurang-kurangnya untuk menyesuaikan sahaja beberapa ciri-ciri yang terdapat di dalam kehidupan mereka supaya dapat menimbulkan perpaduan dan harmoni.

Selain daripada itu kalau dilihat dari segi fizikalnya, orang-orang Baba ini agak berlainan daripada bangsa asalnya iaitu bangsa China. Bagi jennerasi tua iaitu diantara peringkat umur 50 tahun keatas, mereka ini mempunyai warna kulit yang lebih gelap daripada orang China dan agak mendekati kepada warna kulit orang Melayu. Ini mungkin dihasilkan oleh perkahwinan campuran yang telah berlaku

di peringkat jenerasi yang awal dulu.

Jadi, berdasarkan dua faktor tadi, maka masyarakat Baba ini telah diambil sebagai contoh kumpulan marginal yang terdapat di Malaysia ini kerana mereka ini mempunyai ciri-ciri seperti yang disarankan oleh Park dan Stonequist.

Walaupun pada zahirnya mereka ini hidup dan menganalisis budaya yang bercampur aduk dengan baiknya, namun sekiranya mereka diberi peluang untuk meninggalkan tradisi mereka yang lama, ini tentu tidak akan sanggup mereka lakukan. Oleh kerana itu mereka ini adalah manusia yang duduk diantara dua budaya dan dua masyarakat yang mana tidak akan sempurna.

#### 4. Konsep "Melayu" dan Kaitannya dengan Pengertian

##### Masuk Melayu dan Masuk Islam

Pengertian Melayu baik yang didapati di dalam Perlembagaan<sup>(9)</sup> maupun yang diberikan oleh orang perseorangan, adalah mempunyai maksud yang sama. Umpamanya Charles F. Gallagher di dalam artikelnya "The Contemporary Islam: A Frontier of Communalism Aspects of Islam In Malaysia" telah

---

##### (9) Pengertian Melayu mengikut Perlembagaan

"Melayu" ertiinya seseorang yang menganuti ugama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan -

- a. lahir, sebelum hari merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada hari kemerdekaan, ia adalah berdonisil di Persekutuan atau di Singapura atau
- b. ia adalah keturunan salah seorang yang di atas.  
(mc. 184)

mengatakan bahawa Melayu adalah bermakna individu-individu yang bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu dan berugama serta mempraktikkan ajaran Islam. Definasi yang serupa juga telah diberikan di dalam Perlembagaan Malaysia.

Oleh kerana itu jelaslah bahawa mereka yang mengaku diri mereka sebagai orang Melayu itu mestilah mengamalkan dan mempunyai ciri-ciri di atas. Di sinilah timbulnya satu salahfaham dikalangan orang-orang bukan Melayu dimana pada pengertian mereka, sekiranya mereka memeluk ugama Islam maka dengan cara otomatik mereka boleh menjadi orang Melayu dan mendapat hak-hak keistimewaan yang diperuntukkan kepada orang Melayu. Ini dari pandangan yang sempit menang boleh diterima tetapi kalau diteliti agak sukar untuk diterima.

Fahaman yang begini adalah salah kerana belum tentu mereka yang menukar ugama tadi boleh diiktiraf sebagai Melayu sekiranya ia tidak mengamalkan ajaran itu dengan sempurna disamping perkara-perkara yang lain. Malah menukar ugama juga tidak memberikan makna menukar ras seseorang itu kerana walaupun ugama bertukar tetapi ciri-ciri biologinya tetap ada yang mana inilah yang dapat menentukan ras seseorang itu.

Seseorang itu hanya dapat masuk atau menjadi Melayu bila ia dilahirkan di dalam ras Melayu sendiri tetapi

### BAB III

Latarbelakang Masyarakat Baba di Melaka yang belum di tulis.

#### 1. Latarbelakang Sejarah Kedatangan Komuniti China ke Nusantara

Di Nusantara ini, kita boleh melihat di mana-mana sahaja terdapat komuniti China. Sejarah kedatangan mereka ini ke kawasan Nusantara tidak dapat ditentukan tarikhnya yang tepat bilakah ianya bermula. Namun demikian dari sumber-sumber sejarah China sendiri boleh diketahui bahawa ada beberapa lawatan yang pernah dilakukan ke kawasan ini.

Lawatan-lawatan yang bersejarah ini adalah dipelupuri oleh ahli-ahli pengembang ugama dan pengembara. Diantara mereka ini ialah Fa-Hsien yang telah melawat Jawa dalam tahun 413 iaitu di dalam perjalananannya ke India untuk mendalami pengetahuan ugama Buddhanya. Dalam catitannya beliau mengatakan bahawa semasa lawatan beliau itu tidak terdapat kawasan penempatan orang China di Jawa.

Seorang lagi pengembara China yang datang ke sini ialah I-tsing yang memulakan perjalananannya kira-kira dalam tahun 692. Dalam catitannya banyak terdapat nama-nama tempat yang dipercayai terdapat di Nusantara ini iaitu Lang-ya-si, Che-li-fo-chi, San-fo-ts'i dan lain-lain lagi. Ini menun-

jukkan bahawa diantara jangkaan sajeda datangan Fa-Hsien dan I-tsing telah berlaku banyak kedatangan bangsa China ke kawasan ini dan ini membawa kepada penempatan mereka yangkekal di sini.

Kebanyakan komuniti China yang terdapat di sini adalah berasal daripada Selatan China dan terdiri diantara suku kaum Cantonese, Hakka, Hainan, Fukien dan Teochiu.

## 2. Latarbelakang Sejarah Kedatangan Komuniti China ke Melaka

Sementara itu, sejarah kedatangan komuniti China ke Melaka ini mungkin dapat ditentukan iaitu ketika ujudnya kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1400 dan dengan kedatangan rombongan Yin Ching pada tahun 1403 serta dengan kedatangan rombongan Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada tahun 1405. Mungkin bersamaan dengan kedatangan kedua-dua rombongan ini telah menyebabkan komuniti China ini membuat kawasan penempatan yangkekal di sini. Malah bukti-bukti ini masih boleh didapati sekarang ini seperti kawasan perkuburan bangsa China di Bukit China dan banyak kawasan-kawasan yang lain. Malah mengikut catatan Fei Sin (salah seorang daripada pengikut-pengikut Laksamana Cheng Ho) bahawa penduduk di Melaka ini ada dua golongan iaitu:

"Man and women wear their hair in a knot, but some are of lighter colour, being descendants of Chinese." (10)

(11)

Kebanyakan komuniti China yang terdapat di Melaka ini adalah berasal daripada kawasan selatan China iaitu daripada daerah-daerah Fukien, Kwangtung dan Kwangsi. Kawasan-kawasan dimana terdapat komuniti China ini dipanggil oleh bangsa China di tanah besar sebagai Nanyang atau South seas. Dan mungkin di peringkat inilah mula ujudnya masyarakat Baba yang menjadi tumpuan kajian ini.

Selepas daripada peringkat ini, kedatangan bangsa China ini ke Melaka khususnya dan ke Tanah Melayu telah semakin bertambah pesat. Keadaan menjadi semakin pesat lagi apabila pihak Kompeni Inggeris telah membuka Pulau Pinang pada tahun 1786 oleh Captain Francis Light dan Singapura pada tahun 1819 oleh Sir Stamford Raffles. Pihak penjajah Inggeris memang menggalakkan kemasukan bangsa asing ini terutamanya China untuk kepentingan ekonomi mereka.

---

(10) Victor Purcell: Chinese in Malaya, Oxford University Press, 1948; ms. 19. Terjemahan Melayunya  
ialah:-

"Lelaki dan perempuan mengikat (tochang) rambut mereka, tetapi sebahagian daripada mereka mempunyai warna kulit yang cerah, merupakan keturunan China."

(11) Chik Hoong

JADUAL IPERKEMBANGAN PANDUDUK CHINA DI  
TANAH MELAYU 1871 - 1941

(11)

TAHUN	JUMLAH PENDUDUK	ORANG CHINA	
		BILANGAN	% JUMLAH PENDUDUK
1871 <sup>1</sup>	308,097	104,615	34
1891 <sup>2</sup>	910,123	391,418	43
1901	1,227,195	583,395	48
1911	2,644,489	914,143	35
1921	3,338,545	1,170,551	36
1931	4,345,503	1,703,528	39
1941	5,545,173	2,418,615	44

<sup>1</sup> Negeri-Negeri Selat Sahaja<sup>2</sup> Negeri-Negeri Selat dan Negeri Melayu  
Bersatu Sahaja

Source?

Pihak penjajah Inggeris ini menyukai bangsa China ini kerana mereka terkenal dengan kerajinan dan kemahiran mereka serta sanggup membuat sebarang kerja. Ini bertentangan dengan sikap bangsa Melayu yang suka memilih kerja dan tidak suka bekerja di lombong-lombong bijih dan di estet-estet getah.

(11) Chai Hon-Chan: The Development of British Malaya 1896 - 1909; Oxford University Press (K.L.), 1964; ms. 113.

Faktor pendorong yang menggalakkan kedatangan bangsa China ke Melaka dan ke Tanah Melayu ini ialah faktor ekonomi. Faktor ekonomi ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor ekonomi negeri China dan faktor ekonomi Tanah Melayu.

Ekonomi negeri China pada masa akhir-akhir kurun ke 16, 17 dan seterusnya adalah di dalam keadaanerosot dimana di kawasan selatan China berlakunya kelaparan yang berterusan yang disebabkan oleh banjir besar yang berlaku dan pertambahan penduduk yang meladak. Ini menimbulkan masalah kekurangan tanah untuk dikerjakan dan membawa kepada kekurangan makanan. Keadaan ini menjadi bertambah buruk lagi dengan terjadinya kekacauan dalam negeri seperti pemberontakan Taiping dan pergerakan menentang kerajaan Manchu. Akibat dari kegagalan pemberontakan Taiping telah menyebabkan ramai daripada mereka yang terlibat terpaksa mlarikan diri keluar daripada China. Ini semua mendorong bangsa China ini untuk keluar ke kawasan-kawasan yang lebih baik tanpa menghiraukan keselamatan diri mereka seperti yang diterangkan oleh Chai Hong Chan iaitu:-

"the risk of death and disease, however, did not deter the thousands who made up that continuous stream of humanity that flowed from south China to Malaya, a country which had acquired the name of EL DOKADO in


(13) the minds of the poverty-stricken  
landless Chinese peasants."<sup>(12)</sup>

Sementara itu keadaan ekonomi Tanah Melayu pada ketika itu amatlah menggalakkan terutamanya dengan campur-tangan pihak Inggeris, maka keadaan politik dalam negeri telah bertambah baik dan ini menyebabkan perkenaan pesat di bidang ekonomi kemudian dengan bertambahnya permintaan keatas pengeluaran bijih timah dan getah, maka permintaan keatas buruh pun turut bertambah. Oleh kerana bangsa Melayu kurang berminat di dalam bidang ini, maka pihak Inggeris terpaksa membawa masuk tenaga buruh daripada luar iaitu daripada China dan India. Kemasukan kaum China ke Tanah Melayu ini berlaku dengan pesatnya sehingga kepada tahun 1930 an dimana berlaku keadaan meleset di seluruh dunia yang juga meninggalkan kesannya keatas Tanah Melayu.

(12) Chai Hon Chan:- The Development of British Malaya 1896 - 1909; Oxford University Press (E.L.), 1964; ms. 103. Terjemahan Melayunya ialah:- "Bahaya mati dan penyakit, walau bagaimanapun, tidak menghalang beribu-ribu orang yang berhijrah keluar daripada Selatan China ke Malaya, sebuah negara yang mendapat gelaran EL DORADO di dalam fikiran petani-petani China yang kelaparan tanah."

(13)


KAWASAN ASAL DRANG CHINA SEBERANG LAUT.

KETERANGAN :-

HOKKIEN



HAKKA



TEOCHIU



CANTONESE



HAINANESE

(13) Sumber:- Mary P. Somers Heidhges: South East Asia's Chinese Minorities; Longman, Australia; ms. 1. Pty. Limited, 1974.

### 2.1 Pengujudan Komuniti Baba

Komuniti Baba ini terbentuk akibat daripada perkahwinan campuran dengan wanita tempatan. Penggunaan perkataan wanita tempatan ini haruslah dijelaskan terlebih dahulu kerana kalau tidak dijelaskan ianya akan menimbulkan kekeliruan. Wanita tempatan yang dimaksudkan di sini ialah hamba-hamba wanita yang terdiri dari keturunan Bali atau Batak yang nyata bukan terdiri daripada mereka yang berugama Islam. Oleh kerana itu tidak tepat sekiranya dikatakan lelaki China ini berkahwin dengan wanita Melayu kerana ini bermakna mereka terpaksa menukar ugama mereka kepada ugama Islam dan terpaksa mematuhi ajaran-ajarannya. Ini merupakan sesuatu yang sukar untuk dilakukan oleh mereka.

Perkahwinan campuran ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya terdapat kekurangan ataupun ketiadaan wanita China di kalangan mereka. Ini disebabkan sudah menjadi tradisi bagi orang China yang berhijrah ini tidak membawa pasangan masing-masing kerana:-

- (a) a. Mereka tidak mampu untuk membawa isteri-isteri mereka kerana tambang kapal yang mahal dan mereka ini rata-rata terdiri daripada orang-orang miskin. Untuk mengurangkan perbelanjaan, maka isteri-

isteri mereka terpaksa salah ditinggalkan.

b. Terdapatnya larangan yang dibuat keatas wanita-wanita China untuk keluar daripada tempat asal mereka kerana takut wanita-wanita ini akan ditangkap dan dijadikan buruh jadi orang tebusan oleh lamun-lamun. Kalaupun ada wanita-wanita yang pergi, mereka ini kebanyakannya merupakan pelacur-pelacur yang berasal daripada keluarga yang miskin sebagaimana yang dikatakan oleh CVictor Purcell iaitu:-

authentic as  
"the authoretees in China, so lax in preventing the emigration of males, took great precautions to prevent women being taken overseas as they were useful as hostages. It was more unthinkable for unmarried girls to emigrate, except those who, because of family poverty, were sold into prostitution." (14)

Mengikut perangkaan kadare wanita dan lelaki China yang mendatang ke Tanah Melayu yang dilapurkan oleh Bradell

(14) Victor Purcell: "Chinese in Malaya"; Oxford University Press, London, 1946; ms. 305. Terjemahan Melayunya ialah:-

"Penguatkuasa di China, walaupun cuai dalam menghalang penghijrah keluar lelaki China, telah mengambil langkah yang ketat mengawal wanita-wanita dari dibawa keluar negeri kerana mereka ini berguna sebagai orang tahanan. Gadis-gadis lebih-lebih lagi dilarang berhijrah, melainkan mereka yang disebabkan oleh kemiskinan keluarga, telah terjerumus ke sarang pelacuran."

dalam "Statistics of the British possessions in the Straits of Malacca" pada tahun 1823, terdapat kira-kira 361 orang wanita China berbanding dengan 2956 orang lelaki China iaitu dengan kadar 1 : 8 di Negeri-Negeri Selat. Pada tahun 1850 terdapat kira-kira 2239 orang wanita berbanding dengan 25,749 orang lelaki China (kadar 1 : 12). Sehingga tahun 1931 dariipada jumlah penduduk China di Melaka seramai 65,179 orang, di Pulau Pinang dan Province Wellesley seramai 176,518 orang dan di Singapura seramai 421,821 orang, peratus jumlah wanita China hanyalah 34.87 % di Melaka, 39.97 % di Pulau Pinang dan Province Wellesley dan 37.61 % di Singapura.

Keduanya, masih lagi terdapat di hati mereka untuk kembali semula ke tanahair mereka. Oleh yang demikian mereka rasakan tidak perlu bagi mereka untuk membawa isteri-isteri mereka bersama-sama. Perasaan yang sedemikian ini tidak hanya terdapat dikalangan pedagang-pedagang kecil tetapi juga dikalangan mereka yang hanya bekerja sebagai kuli, buruh kasar ataupun hanba. Oleh yang demikian mereka enggan membawa isteri-isteri mereka kerana ini akan menyukarkan lagi kehidupan mereka dan terpaksa bekerja dengan lebih keras lagi untuk menyimpan wang dan mengumpulkan harta dalam masa yang secepat-cepat yang mungkin. Namun demikian banyak diantara mereka ini gagal untuk memenuhi keinginan ini dan tanpa disedari oleh mereka, mereka telahpun menetap di Melaka.

Kedaaan ini kemudian dijadikan pepatah oleh orang-orang Fukien seperti yang dikutip oleh Ju-K'ang Tien iaitu :-

"of every ten who go abroad, three die, and, six stay and one returns."(15)

Oleh yang demikian mereka tidak mempunyai pilihan lain melainkan mengambil wanita-wanita tempatan ini sebagai isteri mereka yang kedua ataupun sebagai perempuan simpanan mereka kerana ini tidak bertentangan dengan pegangan hidup mereka. Hasil daripada perkahwinan inilah mereka mendapat keturunan yang mempunyai ciri-ciri fizikalnya berbeda dengan keturunan asal mereka dan mereka inilah yang dikenali sebagai komuniti Baba.

## 2.2 Ciri-Ciri Fizikal Orang Baba

Bagi orang Baba ini, mereka mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang membedakan mereka daripada bangsa-bangsa lain. Untuk memudahkan pemahaman, maka di bawah diperturunkan satu petikan yang dapat menjelaskan ciri-ciri yang terdapat pada masyarakat Baba ini iaitu :-

---

(15) Hunter, G.: South East Asia: Race, Culture and Nation; London, IRR, Oxford, 1966; ms. 40. Terjemahan Melayunya ialah:-

"Dari setiap 10 orang yang keluar negeri, 3 orang mati, dan, 6 orang tinggal menetap dan seorang kembali."

"Physical appearance (among the Babas) varies over wide range, from individuals who look completely Malay and represent an advanced stage of biological assimilation to those who are completely Chinese in appearance, and represent a mutant or the product of marriage, with recent immigrants from China. Generally, the older generation appears more Malay while many of the Baba youths look more like the Chinese. Even more striking than Malay physical appearance is the Babas' generally Malay-like behaviour hence they not only look like Malays but they walk, gestinate, shake hands, eat, chew betel, sit, squat, expertocate, deferate, laugh and talk like Malays."(16)

Sementara itu Mary F. Somers Heighiges pula telah menambah dengan mengatakan bahawa Baba ini merupakan golongan yang unik dan istimewa dari bangsa China. Ini disebabkan pertama-tamanya mereka ini tidak bertutur dalam bahasa China tetapi dalam loghat bahasa Melayu yang boleh difahami oleh mereka yang berpengetahuan dalam bahasa itu, disamping beberapa perkataan yang diambil dari bahasa Hokkien terutama-

- (16) Bastin, J. dan Roelvink, R. (Eds.): Malayan and Indonesian Studies, Oxford, 1964; ms. 212.  
Terjemahan Melayunya ialah:-

"Dari segi bentuk/rupa fizikal (dikalangan Baba) terdapat banyak kelainan, dari individu yang kelihatan seperti orang Melayu dan mewakili assimilasi biologi yang maju kepada mereka yang kelihatan seperti orang China, dan merupakan hasil daripada perkahwinan, dengan pendatang dari China. Secara am, jenarasi tua kelihatan lebih ke Melayuan sementara ramai dari belia-belia Baba kelihatan lebih kechinaan. Lebih menakjubkan ialah mereka mempunyai tingkah laku seperti orang Melayu, berjalan seperti orang Melayu, berjabat tangan, makan, duduk, ketawa dan bercakap seperti orang Melayu."

nya dari istilah-istilah kekeluargaan. Keduanya, sistem keluarga mereka adalah merupakan tolah-ansur diantara sistem patrilineal yang terdapat dalam masyarakat China dengan sistem bilateral dalam masyarakat Melayu. Seterusnya beliau menyatakan bahawa keadaan ini bukanlah merupakan proses assimilasi tetapi lebih mendekati kepada proses akulturasi.

Jadi, berdasarkan perbincangan di atas, maka dapat diringkaskan ciri-ciri masyarakat Baba ini kepada enam ciri yang terpenting iaitu:-

2.3

1. Masyarakat Baba ini masih lagi menggunakan nama keluarga China.
2. Mereka ini dapat dibedakan dengan masyarakat China tulen berdasarkan kepada bahasa yang digunakan. Mereka biasanya menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan dan pertuturan baik di rumah maupun di luar rumah. Majoriti mereka ini tidak tahu berbahasa China walaupun bahasa daerah asal mereka sendiri.
3. Kaum wanita mereka memakai kain sarung dan baju kebaya.
4. Mereka telah banyak mengambil kebiasaan-kebiasaan (habits) orang Melayu.

5. Orang Baba ini dari segi biologinya mempunyai warna kulit yang lebih gelap dan kurang ciri-ciri mongoleidnya jika dibandingkan dengan bangsa China.

6. Mereka ini mungkin dilahirkan di negeri-negeri Selat dan keluarga mereka telah tinggal di negeri ini untuk satu jangkamasa yang lama (sekurang-kurangnya tiga jenerasi).

### 2.3 Taburan Kependudukan Masyarakat Baba Kini di Melaka

Kaum Baba ini boleh didapati di Melaka di banyak kawasan, dan kawasan yang menjadi tumpuan mereka ialah di bandar Melaka sendiri. Tempat-tempat mereka ini seperti di Kampung Belanda, tengah-tengah bandar Melaka dan juga di kawasan kampung yang lain. Dari pada penempatan yang banyak ini, penulis telah mengambil kawasan Limbongan yang terletak di Melaka Tengah sebagai mewakili masyarakat Baba di Melaka ini. Limbongan sebenarnya tidaklah luas kawasannya jika dibandingkan dengan kepadatan penduduknya. Ia terletak di tepi jalan dan berhampiran dengan kawasan pantai Selat Melaka. Walaupun begitu kawasan ini di bahagian pendalamannya adalah merupakan kawasan kampung yang

mempunyai penduduk berbilang kaum diantaranya kaum Melayu, China (kebanyakannya terdiri daripada orang Baba) dan kaum India. Jarak diantara kawasan ini ke bandar Melaka adalah kira-kira 2 batu.

Jumlah responden yang dipilih ialah 300 orang yang berasal daripada 34 buah rumah tangga. (Sila lihat Jadual 2).

Jadual 2

• JUMLAH PENDUDUK BABA BERDASARKAN UMUR DAN JANTINA

KUMPULAN UMUR	LELAKI		PEREMPUAN		JUMLAH	
	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS
0 - 9 th.	20	13.8	19	12.3	39	13.0
10 - 19 th.	40	27.6	40	25.8	80	26.7
20 - 29 th.	28	19.3	37	23.9	65	21.6
30 - 39 th.	25	17.2	20	12.9	45	15.0
40 - 49 th.	11	7.6	15	9.7	26	8.7
50 - 59 th.	11	7.6	14	9.0	25	8.3
60 th. keatas	10	6.9	10	6.4	20	6.7
J U M L A H	145	100.0	155	100.0	300	100.0

Dari pada data ini, jelas bahawa kaum wanita adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Dan bilangan penduduk yang terbesar ialah diantara peringkat

- Jumlah ini hanya merupakan jumlah penduduk yang terdiri daripada kaum Baba sahaja. Ini disebabkan mereka ini tinggal bercampur dengan kaum Melayu dan juga India (tidak termasuk bangsa China yang bukan Baba).

umur 10 - 19 tahun yang merupakan peringkat belasan tahun. Ini bermakna kumpulan Baba ini mempunyai bilangan golongan muda lebih banyak jika dibandingkan dengan golongan tua. Sementara golongan orang yang sudah lanjut usianya amat sedikit dan kemungkinan akan berkurangan ini adalah besar dimana mereka ini sudah pun beransur-ansur tua dan uzur. Susunan struktur masyarakat yang seperti ini sedikit sebanyak memberikan pengaruh keatas sikap dan penilaian mereka terhadap perkara-perkara di sekitar kawasan penempatan mereka.

Penempatan mereka ini merupakan penempatan berkelompok dan susunan rumah mereka adalah tidak teratur seperti bentuk penempatan berjajar ataupun berderet. Rumah-rumah orang Baba ini mempunyai dua bentuk yang berlainan. Kumpulan yang pertama merupakan rumah yang dibina dari papan dan biasanya rumah mereka ini tidak bertangga dan bertiang (rumah atas tanah). Walaupun dari luar rumahnya seakan-akan orang Melayu tetapi ianya masih lagi mempunyai ciri-ciri binaan rumah China. Tingkap-tingkap mereka ada dibuatkan kayu yang melintang dan susunan peraturan perabutnya juga menyerupai susunan rumah China. Bentuk yang kedua pula ialah rumah yang dibuat daripada batu dan bagi rumah-rumah seperti ini mereka mengatur perabutnya mengikut cara barat, cukup dengan perakatan moden seperti peti talivisyen, peti ais, kusyen dan radiogram. Mereka ini boleh dikatakan sebagai golongan yang berada jika dibandingkan dengan masyarakat


lain-lainnya.

#### 2.4 Struktur Famili Baba

Famili Baba ini mempunyai bentuk struktur famili besar ataupun gabungan. Ini bermakna di dalam satu rumah tangga itu mempunyai ayah dan ibu, anak-anak termasuk anak-anak mereka yang sudah berkahwin. Jadi, tiap-tiap keluarga Baba ini mempunyai bilangan yang ramai dan disamping itu ada juga yang mempunyai bilangan yang kecil dimana anak-anak mereka yang sudah berkahwin tinggal berasingan kerana tempat kerja mereka yang jauh daripada rumah ibubapa mereka.

Biasanya menantu yang tinggal bersama-sama mereka adalah merupakan menantu perempuan kerana orang Baba bila berkahwin, anak perempuan akan mengikut suami masing-masing. Tiap-tiap mereka ini mempunyai bilik masing-masing dan lazimnya didapati rumah mereka ini mempunyai sekurang-kurangnya tiga atau empat bilik, tetapi menggunakan dapur yang sama untuk memasak. Mereka juga makan bersama-sama. Dan biasanya yang mempunyai kuasa dan pengaruh di dalam sesebuah rumah itu ialah anggota keluarga yang tertua sekali. Mereka ini dihormati dan diberikan layanan yang baik.

RAJAH 2

GAMBARAJAH KELUARGAGABUNGAN (JOINT FAMILY)

Gambarajah ini menunjukkan secara mudah bentuk famili gabungan dimana ibubapa dan anak-anak yang sudah berkahwin tinggal bersama-sama.

#### 2.5 Pendidikan dikalangan Masyarakat Baba

Pendidikan di sini boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendidikan secara formal (sekolah) dan pendidikan yang informal iaitu didikan yang diberikan oleh ibubapa, kawan-kawan dan keadaan di sekitar mereka. Untuk memudahkan perbincangan maka diberikan terlebih dahulu pendidikan secara formal.

Masyarakat Baba amat mengambil berat akan pendidikan

anak-anak mereka terutamanya dari segi akademik. Mungkin disebabkan oleh sikap inilah maka didapati kebanyakan mereka ini terdiri daripada orang yang berpelajaran. Keadaan ini bukan merupakan satu fenomena yang baru kerana sejak dari dahulu lagi mereka ini memang terkenal dengan sikap yang positif terhadap pelajaran. G. Hunter umpamanya telah menulis di dalam bukunya "South East Asia: Race, Culture and Nation" bahawa kaum Baba ini begitu berjaya sekali di bidang pelajaran dan ramai diantara mereka ini yang boleh didapati di pusat-pusat pengajian tinggi. Mereka ini kebanyakannya memegang jawatan professional seperti doktor, guru, jururawat, jurutera, juruteknik dan juga pegawai-pegawai kanan di sektor swasta.

Bagi masyarakat Baba di kawasan yang dikaji, dari pada 300 orang responden didapati kira-kira 80 orang yang masih bersekolah baik di peringkat sekolah rendah hingga kepada peringkat yang tinggi sekali. Daripada data yang diberikan di bawah, boleh dilihat dengan jelas jumlahnya, tanpa mengira jantina lelaki ataupun perempuan.

Dari Jadual 3, didapati 35 orang anak-anak mereka ini berada di sekolah rendah, 25 orang di sekolah menengah rendah (di peringkat tingkatan 1, 2 dan 3), 15 orang di peringkat menengah atas dan 5 orang di peringkat universiti. Kelima-lima penuntut di universiti ini boleh didapati

**JADUAL 3** ~~PERINGKAT PERSEKOLAHAN DENGAN SAMAPOKAI DI BANDAR  
BAKU~~ **PERINGKAT PERSEKOLAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT BABA** ~~BERGANTUNG~~

PERINGKAT SEKOLAH	BIL.	%
SEKOLAH RENDAH	35	43.75
SEKOLAH MENENGAH RENDAH	25	31.25
SEKOLAH MENENGAH ATAS	15	18.75
UNIVERSITI	5	6.25
<b>J U M L A H</b>	<b>80</b>	<b>100.00</b>

dan ahli keluarga yang berkenan membantu mengantarkan anak-anak melanjutkan pelajaran mereka di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada itu terdapat juga dikalangan mereka ini yang sudah tamat pengajiannya seperti salah seorang anak kepada seorang bibik yang dikenali sebagai Bibik Cantik. Anak bibik ini adalah lepasan daripada Universiti Malaya.

Aliran persekolahan yang diminati oleh kaum Baba ini bagi menghantar anak-anak mereka ialah aliran Inggeris. Ini berdasarkan kepada kesedaran dan tanggapan mereka bahawa aliran Inggeris inilah sahaja yang dapat menjamin kehidupan anak-anak mereka di masa depan kerana peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah besar bagi mereka yang mendapat pendidikan aliran Inggeris. Keadaan seumpama ini

amat jelas kelihatan di kawasan bandar seperti di bandar Melaka dan sekiranya terdapat mereka yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran China, bilangannya adalah kecil dan mungkin terdapat di kampung-kampung yang tidak mempunyai sekolah Inggeris yang berhampiran. Jadi, tidak hairanlah kalau sekiranya didapati mereka ini lebih lancar menggunakan bahasa Inggeris disamping bahasa Melayu di dalam pergaulan mereka sehari-hari.

Sementara itu pendidikan secara informal biasanya dimulakan dan didapatkan daripada rumah. Di rumah ibubapa dan ahli keluarga yang tertua akan mengajar anak-anak mereka di dalam tata-tertib pergaulan, bagaimana untuk menghormati orang yang lebih tua dan sebagainya. Boleh dikatakan semua perkara yang berkaitan dengan masyarakat disosialisasikan oleh ibubapa mereka sendiri. Bagi perkara-perkara yang bersangkutan dengan ugama dan ibadat, didapati ada juga diajarkan cuna tidak dengan mendalam. Anak-anak hanya diperlukan mengikut tindakan dan tingkahlaku yang dibuat oleh ahli keluarga mereka. Ini menyebabkan pengetahuan ugama dikalangan anak-anak muda mereka ini tidak mendalam tidak seperti yang didapati dikalangan ibubapa dan datuk-nenek mereka.

Seterusnya perhubungan mereka dengan kawan-kawan juga boleh meninggalkan kesan keatas pertumbuhan peribadi

seseorang itu. Demikian juga dengan keadaan di sekitar tempat tinggal mereka yang mempengaruhi pemikiran anak-anak tadi. Jadi, kesimpulannya pendidikan informal ini banyak didapati di rumah mereka masing-masing yang disosialisasikan supaya diikuti dengan baik dan tidak menimbulkan pertentangan.

## 2.

### 2.6 Keadaan Ekonomi Masyarakat Baba

Carak ekonomi masyarakat Baba ini adalah berkaitan dengan pendidikan yang telah mereka terima dan rata-rata mereka ini mempunyai kedudukan ekonomi yang agak baik. Oleh kerana itu, bolehlah dibahagikan kedudukan ekonomi mereka ini kepada dua bahagian:-

#### 1. Golongan profesional kecil

Golongan ini biasanya memperlihatkan keadaan ekonomi yang baik, dimana dari segi kebendaaan mereka adalah mewah. Di rumah-rumah mereka akan boleh didapati peti talivisyen, peti ais, perabut rumah yang berharga dan tiap-tiap satu famili mempunyai sekurang-kurangnya sebuah motekar. Rumah-rumah mereka juga adalah rumah batu yang dibina oleh perbadanan perumahan dan dengan ini mereka telah sedikit sebanyak mengamalkan cara hidup yang kebaratan. Golongan yang seperti ini terdiri daripada guru, doktor dan pegawai-pegawai kerajaan.

## 2. Golongan bukan-profesional

Golongan ini merupakan mereka yang tinggal bercampur dengan orang Melayu. Cara hidup mereka sederhana dan sekurang-kurangnya mereka ini mempunyai kenderaan motorsikal. Kebanyakan daripada mereka ini terdiri dari pemandu bas, pekerja-pekerja kilang dan pekerja majlis bandaran (municipal workers). Biasanya golongan inilah yang terbanyak jika dibandingkan dengan golongan pertama tadi.

Jadi, struktur ekonomi dan pelajaran dalam masyarakat Baba ini seperti yang telah dinyatakan di atas, adalah mempunyai kaitan yang rapat. Bagi mereka yang berpeluang mendapat pelajaran tinggi, maka kehidupan mereka akan lebih senang jika dibandingkan dengan mereka yang tidak berpeluang untuk mendapat pelajaran tinggi.

bahagian dengan pakaian orang lelaki man-mana bangsa pun. Kebudayaan ini memang lagi sangatlah penting bagi keaja yang mana ini merupakan suatu perpaduan antara bangsa Cina dan berasal berperatus.

#### BAB IV ANALISA BUDAYA BABA DARI SUDUT BUDAYA KEBENDAAN (MATERIAL CULTURE)

Sebuah corak yang datang dari batin berjalin seperti yang biasa diperlakukan oleh orang lelaki China. Durang keadaan mungkin tidak setelah kita melihat sejarah kedatangan mereka ke Tanah Melayu, maka dalam bab ini akan diperlihatkan pula corak budaya mereka. Corak budaya satu-satu kumpulan marginal itu boleh dijadikan asas untuk mengukur sejauhmana integrasi dan assimilasi telah berlaku diantara kumpulan marginal dengan kumpulan dominan. Aspek budaya yang ditekankan di sini ialah aspek budaya kebendaan, diantaranya ialah:-

1. Pakaian
2. Makanan
3. Hiasan-hiasan dalam rumah seperti patung-patung yang disembah, tempat sembahyang dan perabut rumah yang lain.

Tiap-tiap satu perkara ini akan dibincangkan mengikut giliran masing-masing.

##### 1. Pakaian

###### 1.1 Pakaian Biasa Ketika Di Rumah dan Ke Majlis Jemputan

Pakaian bagi orang lelaki Baba ini agak tidak

berbeda dengan pakaian orang lelaki mana-mana bangsa pun. Mereka ini masih lagi memakai seluar dan baju kemeja yang mana ini merupakan satu pemandangan biasa sahaja. Cuma ketika berehat-rehat, ada didapati mereka ini memakai seluar cerut yang dibuat dari kain berjalur seperti yang biasa dipakai oleh orang lelaki China. Jarang kedapatan malah tidak dijumpai mereka ini yang suka memakai kain pelekat seperti yang diamalkan oleh lelaki Melayu. Pendek kata tidaklah terdapat perbedaan dengan bangsa-bangsa yang lain.

Bagi kaum wanita pula, terdapat sedikit perbedaan diantara pakaian wanita Baba dengan wanita Melayu, malah perbedaan ini amat ketara sekali dengan pakaian wanita China. Untuk pakaian sehari-hari, mereka ini suka memakai baju yang seakan-akan baju kebaya tetapi berbeda sedikit dan kain sarung sanada kain batek ataupun kain yang mempunyai corak yang berpetak-petak (buka kain pelekat). Kebanyakan daripada mereka tidak suka memakai seluar seperti yang diamalkan oleh wanita China kerana mereka merasakan tidak sesuai dan tidak selesa ketika memakainya.

Ketika menghadiri majlis-majlis resmi atau berjalan-jalan, kebanyakan mereka ini suka sekali memakai baju kebaya berbiku atau dikenali juga sebagai baju kebaya pucuk rebung yang biasanya dipadankan dengan kain batek.

Pakaian jenis ini amat menarik sekali dan ianya merupakan satu tanda pengenalan (identiti) untuk mereka ini. Baju yang seperti ini bukan sahaja cantik, malah cara membuatnya adalah susah dan memakan masa yang lama. Kebanyakan daripada bibik-bibik<sup>(17)</sup> ini menempah baju-baju mereka.

Bagi wanita-wanita remaja dan muda pula mereka ini lebih meminati kepada pakaian-pakaian moden iaitu mengikut peredaran fesyen daripada barat. Antara pakaian-pakaian mereka ialah skirt, gaun, seluar dan lain-lain lagi yang kebanyakannya boleh didapati dijual di kedai-kedai.

Selain daripada baju kebaya biku tadi, ada juga didapati wanita-wanita Baba yang tua suka memakai baju kurung dan kebaya labuh. Ini umumnya terdapat dikalangan mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan orang Melayu dan mungkin pengaruh inilah yang menyebabkan mereka suka memakainya. Walaupun bagaimanapun, secara am didapati mereka ini memang berlainan daripada wanita China samada tua atau muda yang suka memakai seluar panjang baik di rumah ataupun berjalan-jalan.

Jadi, di sini sudah terdapat jurang diantara jenerasi tua dan muda dari segi pemilihan fesyen pakaian

---

(17) Bibik adalah merupakan gelaran atau cara memanggil kepada wanita-wanita Baba yang telah tua ini. Dengan panggilan ini pertualan kita akan lebih mesra lagi.

dan keadaan ini semakin ketara kerana orang-orang tua dalam masyarakat Baba ini semakin berkurangan sedangkan jenerasi muda yang dipengaruhi oleh kebudayaan barat ini semakin rapat dengan bangsa China yang memang diketahui suka kepada fesyen-fesyen barat ini membuatkan perbedaannya itu semakin bertambah.

#### 1.2 Pakaian Untuk Majlis dan Adat Istiadat Perkahwinan dan Kepercayaan Yang Ter- Dapat Mengenainya

Pakaian yang digunakan ketika upacara ini dijalankan adalah merupakan pakaian tradisi raja-raja China dulukala. Kedua-dua pengantin akan memakai baju labuh di dalam yang berwarna putih. Baju ini dinamakan baju kun. Untuk baju luar, mereka menggunakan pakaian yang dijahit dengan benang emas yang dikenali dengan nama "Cheo Thau". Pakaian mereka ini berwarna-warni dan amat cantik kelihatannya.

Pengantin perempuan akan dihiasi dengan cantik terutamanya di bahagian muka dan kepala. Beliau disolekkan dan akan dihiasi dengan sanggul lintang. Sanggul ini dihiasi dengan cucuk sanggul dalam berbagai bentuk dan disusun dengan rapi sehingga merupakan seolah-olah satu bukan gabungan daripada banyak cucuk-cucuk sanggul. Di bawah sanggul ini

terlebih dahulu akan diikatkan dengan kain baldu yang ditekat dengan benang emas. Ini membawa pengertian sebagai perlindungan daripada 8 dewa-dewa yang melambangkan kebahagiaan, kasih sayang dan semua yang baik-baik di dunia ini. Malah dipercayai sekiranya pengantin perempuan tidak lagi mempunyai kesucian, ia akan mendapat sakit kepala yang amat sangat dan ini akan menyebabkan ia membuka rahsia dirinya.

Baju Cheo <sup>u</sup> thaz ini akan terus dipakai oleh pengantin perempuan untuk selama 12 hari walaupun semasa tidur. Sudah menjadi adat kepada masyarakat Baba ini melarang pasangan yang baru berkahwin ini untuk melakukan perhubungan jenis. Oleh kerana itu pengantin perempuan akan cuba mengelakkan dirinya daripada melakukan perkara itu. Ini disebabkan mengikut kepercayaan mereka, pengantin perempuan yang sudah disentuh oleh suaminya akan menjadi penjaga pintunya sahaja (door-mate) bukan sebagai isterinya dan ini berlanjutan sepanjang hayatnya. Untuk mengetahui hal ini, pihak ibubapa akan meletakkan tepak sirih di atas katil mereka sekiranya tepak sirih ini telah diusik, maka ini menunjukkan bahawa pengantin perempuan tidak lagi suci.

Walaupun pada hari yang ke 12 didapati tepak sirih itu tidak diusik, pengantin perempuan masih lagi terpaksa untuk membuktikan dirinya masih lagi perawan. Pada hari itu ketika melakukan upacara bertandang ke rumah ibu

mertuanya, pengantin perempuan akan membawa baukul yang berisi pisau, limau dan baju Cheothay. Pisau akan digunakan untuk memotong limau dimana air limau ini akan digunakan untuk membuktikan bahawa beliau masih lagi perawan. Sekiranya dakwaan beliau benar, maka di dalam baukul tadi akan diisikan dengan tebu yang melambangkan kebahagian hidup yang akan dilahirnya dimasa depan dan penerimaannya oleh keluarga pihak suaminya.

Dengan upacara ini maka adat istiadat perkahwinan mereka tamat dan mulai hari itu mereka akan hidup sebagai suami isteri yang sah. Tetapi sebagaimana yang telah dikatakan, ini adalah merupakan adat yang telah lama dan pada waktu ini jarang, malah sudah tidak dipraktikkan lagi oleh masyarakat Baba. Mereka ini lebih senang dengan upacara perkahwinan barat yang mudah dan ringkas.

## 2. Makanan Masyarakat Baba

Masyarakat Baba rata-rata mempunyai jenis-jenis makanan yang merupakan gabungan daripada jenis masakan cara China dan jenis masakan cara Melayu. Ianya merupakan satu kompromi yang baik diantara kedua-duanya. Oleh kerana itu didapati kebanyak wanita-wanita Baba pandai memasak dan anak-anak gadis mereka digalakkan untuk belajar memasak. Secara keseluruhannya masakan Baba ini dikenali dengan nama

Lauk Embok-Embok.

Makanan utama kaum Baba ini ialah nasi iaitu seperti juga lain-lain bangsa di Asia Tenggara ini. Jenis masakan dan jumlah masakan yang disediakan diantara satu rumah tangga (household) dengan satu rumah tangga yang lain adalah berbeda, berdasarkan kepada kekayaan seseorang itu. Purata jumlah masakan mereka ialah diantara empat dan enam jenis masakan; 2 jenis yang utama dan empat jenis yang lain yang merupakan tambahan. Mereka biasanya makan empat kali sehari iaitu makan pagi, makan tengahari, minum teh di waktu petang dan makan malam.

Jenis masakan Baba ini biasanya boleh dibahagikan kepada dua iaitu Lauk Halus dan Lauk Kasar. Lauk Kasar ini merupakan masakan untuk makan sehari-hari sementara Lauk Halus pula merupakan masakan untuk makanan tetamu-tetamu atau untuk menyambut hari-hari perayaan seperti perayaan tahun baru China, Chap Goh Meh dan lain-lain. Masakan yang boleh didapati di dalam kedua-dua kategori ini ialah masak Kari dimana ianya dimasak bukan sahaja untuk dimakan hari-hari tetapi juga ketika menyambut perayaan-perayaan.

Bagi masakan yang termasuk dalam Lauk Halus, dapat disenaraikan seperti berikut:-

1. Itik Sioh - masakan ini adalah masakan istimewa disajikan dalam suasana ketika menyambut hari Tahun Baru Cina. Itik ini direbus (dikukus) dan kemudian dicampurkan dengan tanah kelapa dan bahan-bahan tertentu untuk menyediakan seperti berci kecap atau saus. Kebanyakan orang suka makanan ini kerana ia sangat lembut dan sedap.
2. Char Mee
3. Itik teem

Dan masakan-masakan biasa pula adalah seperti sambal nenas, satay ayam, udang masak nenas, bahwan kepiting, ikan tempra, nasi goreng berempah, asam tumis dan lain-lain lagi. Kebanyakan masakan mereka ini samada yang tergolong dalam lauk kasar ataupun halus selalu dihiasi dengan cantiknya. Hiasan-hiasan ini biasanya dalam bentuk sayur-sayuran kerana ia bukan sahaja untuk mencantikkan tetapi juga untuk dimakan kemudiannya.

Satu keistimewaan makanan mereka ini ialah terdapatnya penggunaan cili dalam masakan ini. Walaupun diketahui bahawa mereka ini menyukai masakan rebus, tetapi masakan yang pedas-pedas juga tidak mungkin dilupakan dan keseluruhan masyarakat Baba ini suka makanan yang pedas seperti asam tumis, sambal dan lain-lain lagi.

Dalam masalah mengenai daging babi, ada juga didapati dalam masakan mereka dicampurkan dengan daging babi. Tetapi keadaan ini tidaklah kerap berlaku kerana ada didapati diantara mereka ini yang tidak suka memakannya dan kalaupun dimakan hanya pada ketika-ketika yang tertentu sahaja seperti hari tahun baru dan lain-lain. Kebanyakan mereka ini memberikan alasan atas kesihatan dan ada juga yang memberikan alasan kerana tidak pernah dimakan sejak kecil-kecil lagi.

Selain daripada itu, mereka ini juga mempunyai makanan pencuci mulut yang berupa kuih-kuih manis dan juga yang pedas-pedas. Diantara kuih-kuih yang popular dikalangan mereka ini ialah kuih wajid, kuih lapis, bubur caca, otak-otak yang juga merupakan kuih-kuih kegemaran orang Melayu.

Oleh kerana masyarakat Baba ini mementingkan rasa (taste), maka penyediaan makanan mereka ini dibuat secara berhati-hati dan teliti. Ini menyebabkan penyediaannya memerlukan masa yang agak lama dimana bahan-bahan yang diperlukan seperti lada ditumbuk sendiri, tidak digunakan cili yang dimesenkan. Mungkin berdasarkan penyediaan yang rapi inilah maka masakan mereka menarik perhatian bangsa-bangsa lain untuk mencubanya.

Dari segi penyusunan makanan, mereka ini samalah

seperti orang Melayu, dimana disediakan tempat basuh tangan, lauk-lauk diletakkan di bahagian tengah dan seterusnya. Mereka menyusun makanan-makanan ini di atas meja tidak di atas lantai dan ini merupakan satu tradisi. Mereka juga tidak menggunakan "chopstick" atau sunpit dalam bahasa mereka. Ini disebabkan mereka tidak berapa suka menggunakan-nya dan ada diantara mereka ini yang tidak tahu menggunakan chopstick. Jadi, di sinilah letaknya kepentingan mangkuk basuh tangan tadi dan mereka juga menggunakan tangan kanan, tidak tangan kiri.

Selepas mereka makan nasi, barulah dihidangkan makanan pencuci mulut tadi. Semua perlakuan yang mereka lakukan ini adalah sama seperti yang dilakukan oleh orang Melayu ketika mereka menghadapi makanan mereka.

### 3. Hiasan Dalam Rumah

Hiasan dalam rumah Baba ini lebih kurang sama seperti yang terdapat di rumah-rumah orang China. Bagi mereka yang tinggal bersama-sama orang Melayu terdapat sedikit penerimaan cara hiasan orang Melayu dimana perabut seperti kerusi diletakkan di bahagian depan rumah (biasanya bersejajar dengan pintu masuk).


Secara mudah, orang Baba ini menghiasi rumah mereka dengan mengutamakan kepada bahagian depan rumah untuk di-

letakkan tempat persembahan. Biasanya ianya merupakan bentuk ukiran yang dibuat dari kayu keras dan berwarna gelap, tempat bagi meletakkan alat-alat sembahyang seperti colok, petung (tok pekong) dan buah-buahan. Di sisinya akan diletakkan cermin besar. Semua perkakas ini biasanya akan memenuhi sebahagian kecil bahagian depan rumah mereka dan selebihnya barulah diletakkan kerusi meja dan alat perhiasan yang lain.

Bagi bahagian tengah ianya pula lebih merupakan lorong dimana di kiri kanannya adalah bilik-bilik tidur. Di bahagian ini biasanya tidak dihiasi dengan apa-apa perabutpun. Dan yang akhirnya bahagian dapur, dimana di sinilah tempat yang selalu sibuk dijalankan tugas-tugas memasak dan tempat untuk menghidang makanan. Di sini terdapat meja makan yang besarnya tergantung kepada jumlah anggota sesebuah keluarga itu.

Meja umumnya diletakkan di bahagian tengah, di tepi-tepi akan disusun dengan baik dapur yang mereka gunakan (biasanya dapur gas, minyak dan dapur arang), almari untuk simpan makanan dan sebagainya yang diperlukan di dapur.

Itulah secara ringkas bagaimana kaum Baba ini menghiasi rumah mereka dan ini dapat digambarkan seperti rajah di bawah:-

RAJAH 3PANDANGAN DARI ATAS RUMAH BABA

## BAB V ANALISA BUDAYA DARI SUDUT BUDAYA BUKAN KEBENDAAN

### (NON-MATERIAL CULTURE)

Apa yang dikaitkan dengan budaya Baba Melayu tinggi

Budaya non-material adalah merupakan ciri-ciri budaya yang dapat dilihat melalui amalan-amalan yang dilakukan oleh anggota sesuatu masyarakat itu. Jadi, diantara unsur-unsur budaya non-material masyarakat Baba ini yang akan diterangkan satu persatu ialah bahasa yang digunakan oleh mereka sehari-hari, istiadat perkahwinan, kelahiran, kematian dan pantang larang serta kepercayaan yang terdapat dikalangan mereka dan kepercayaan serta ugama yang mereka anuti.

#### 1. Bahasa Yang Digunakan Oleh Orang Baba:

Bahasa yang dituturkan oleh orang Baba ini boleh dikatakan termasuk di dalam gelangan Bahasa Melayu juga cuma ianya didapati lebih kasar dan sedikit berlainan daripada bahasa Melayu sejati. Reverand W.G. Shellabear di dalam kajiannya telah membahagikan bahasa Melayu kepada dua bahagian iaitu:-

1. Bahasa Melayu tinggi (halus)
2. Bahasa Melayu rendah (kasar)

Oleh yang demikian, berdasarkan pembahagian ini, beliau telah menggolongkan bahasa yang digunakan oleh orang Baba ini sebagai bahasa Melayu kasar.

Apa yang dimaksudkan dengan bahasa Melayu tinggi (halus) ialah bahasa Melayu yang digunakan dikalangan istana dan pembesar-pembesarnya. Oleh yang demikian, cara penuturan dan struktur bahasanya agak berlainan dan ini menyukarkan untuk diikuti oleh orang bukan Melayu. Bahasa ini juga jarang dipergunakan dalam pergaulan hari-hari dikalangan rakyat dan hanya terdapat dikalangan pembesar-pembesar serta kerabat di raja sahaja. Sementara itu yang dimaksudkan dengan bahasa Melayu rendah (kasar) ialah bahasa yang sentiasa digunakan dalam kehidupan sehari-hari baik oleh orang Melayu sendiri mahupun oleh mereka yang bukan Melayu untuk berhubung diantara satu dengan lain. Oleh yang demikian bahasa orang Baba ini digolongkan kedalam bahagian ini.

Namun demikian, walaupun ianya digolongkan kedalam bahasa Melayu, bahasa yang mereka gunakan agak berlainan sedikit terutamanya di dalam penyebutan perkataan-perkataan yang tertentu kerana cara penekanan suara mereka ini lebih banyak menunjukkan kecenderungan kepada cara penekanan suara dalam bahasa China. Malah banyak sekali didapati perkataan-perkataan yang mereka gunakan diambil daripada bahasa China, terutamanya loghat Hokkien yang disesuaikan

cara penyebutannya dengan bahasa Melayu. Oleh yang demikian Reverand W.G. Shellabear telah menggunakan istilah "Baba Malay" bagi bahasa Baba ini kerana:-

"for it is largely the creation of the Baba Chinese, and is their mother tongue, so that it belongs to them in a sense that no other people can or do claim it as their own."(18)

Perbedaan-perbedaan yang terdapat diantara bahasa orang Baba dengan bahasa Melayu sejati telah juga diberikan oleh Reverand Shellabear iaitu berdasarkan kepada 4 faktur yang besar. Pertamanya mereka telah memperkenalkan dan menggunakan banyak perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa China dimana kebanyakannya tidak diketahui dan difahami oleh orang Melayu. Keduanya mereka ini tidak mengetahui banyak perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu dimana perkataan-perkataan ini selalu digunakan dikalangan mereka sahaja. Ketiganya mereka ini banyak membuat kesilapan di dalam menyebut beberapa perkataan Melayu dan dalam beberapa kes telah mengubah cara penyebutannya dengan begitu ketara sekali sehingga ianya tidak dapat dikenali sebagai perkataan Melayu lagi. Contohnya:

(18) Reverand W.G. Shellabear:- "The Baba Malay" dalam Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, December, 1913, No.65, terbitan Methodist Publishing House, 1913. ms. 13. Terjemahan Melayunya ialah:-

"ianya adalah merupakan sebahagian besar ciptaan Baba China, dan merupakan bahasa ibunda mereka, jadi ianya adalah kepunyaan mereka dimana tidak ada manusia lain yang boleh atau mahu mengakui bahasa ini sebagai kepunyaan mereka."

Bahasa Melayu      Bahasa Baba

nyamuk

jamut

cacing

tacing

dusta

justa

Keempatnya mereka ini menggunakan struktur pembentukan ayat bahasa China dimana iaanya smat berlainan sekali dengan struktur pembentukan bahasa Melayu yang sebenarnya.

Jadi, berdasarkan keempat-empat faktor ini, boleh dilihat dengan jelas bagaimana proses penyesuaian itu dilakukan untuk mendapat satu jalan keluar yang sesuai digunakan oleh kedua-dua belah pihak. Walaupun proses yang berlaku ini lebih cenderung kepada bahasa China tidak kepada bahasa Melayu, namun iaanya dapat diterima oleh mereka. Perkataan-perkataan yang sering kedapatan ketika mereka itu bertutur ialah perkataan seperti punya, datang, itu, ini, ada, pernah dan lain-lain lagi yang merupakan perkataan Melayu tetapi digunakan dengan cara yang berbeda iaitu mengikut susunan bahasa China. Contohnya:

1. Dia punya mak-bapa ada duduk makan di sebelah punya meja.
2. Ini macam punya orang fikir apa yang banyak salah tak patut buat, dan apa yang sikit salah boleh buat. Apa punya bodoh satu fikiran ini?

Daripada kedua-dua contoh ini boleh dilihat dengan jelasnya bagaimana perbedaan diantara ayat-ayat ini dengan struktur ayat bahasa Melayu. Dan sekiranya tidak diteliti, sukar untuk difahami dengan segera apakah yang cuba disampaikan oleh mereka. Keadaan ini amat penting sekali diperhatikan kerana daripada ini dapat diketahui setakat mana assimilasi berlaku dari segi bahasa dan masyarakat Baba ini. Dalam usaha untuk memudahkan perhubungan mereka dengan kaum lain, mereka telah menggunakan perkataan-perkataan Melayu tetapi masih tidak boleh memisahkannya dengan bahasa asal mereka yang dijelmakan pula dalam bentuk penyusunan ayat.

Selain daripada itu terdapat juga beberapa perubahan yang terpaksa dilahirkan oleh mereka ini untuk kemudahan mereka menuturkannya. Umpamanya bagi perkataan-perkataan yang mempunyai "l", mereka menggantikannya dengan huruf "k". Contohnya: ambil menjadi ambek. Bagi perkataan yang mempunyai akhiran "ai" pula selalu ditukarkan kepada huruf "e" dan "au" kepada "o". Contohnya:-

(i) sungai menjadi sunge

(ii) pulau menjadi pulo

Bagi perkataan yang mempunyai akhiran "h", bunyi "h" ini tidak disebutkan langsung. Contohnya:- rumah menjadi ruma sahaja. Dan kemudiannya bagi perkataan-perkataan yang mempunyai akhiran "e" diubah cara sebutannya menjadi "ak" dan

kadang-kadang akhiran "i" ditekan menjadi "ik". Contohnya:-

(i) bapa menjadi bapak

(ii) cari menjadi carek

Selain daripada itu banyak lagi perkataan-perkataan Melayu yang telah disebut dengan cara yang salah oleh mereka ini, sehingga menjadi satu perkataan baru.

Akibat dari perubahan-perubahan yang mereka lakukan ini, telah menimbulkan beberapa kekeliruan kerana ada diantara perkataan Melayu ini bila diubah sebutannya dan mempunyai bunyi yang seakan-akan sama, sedangkan ianya mempunyai maksud yang berlainan. Cari memberi makna berusaha untuk mendapatkan sesuatu sedangkan carek pula bermakna koyak. Inilah yang dimaksudkan sebagai kekeliruan yang disebutkan di atas. Namun demikian, oleh kerana keadaan dan masa telah banyak berubah dan mempengaruhi mereka, cara penyebutan ini sekarang sudah mula dapat diperbaiki.

Disamping itu mereka ini juga didapati agak sukar untuk menyebut perkataan yang terdapat di dalam bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab. Ini mungkin disebabkan cara penuturannya agak berlainan dengan cara penyebutan bahasa China dan juga kerana mereka tidak biasa dengan perkataan-perkataan tersebut.

Tetapi bagi mereka yang tinggal bersama-sama

dengan masyarakat Melayu, terdapat diantara mereka ini yang boleh menuturkannya dengan betul. Malah daripada perbualan dengan mereka ini didapati ada yang boleh mengucap dua kalimat syahadat dan juga membaca al-Quran. Tetapi mereka ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang tua dan salah seorang daripada mereka ini ialah seorang wanita tua yang dikatakan boleh mengaji dan tahu akan sifat 20. Sayangnya beliau ini telahpun meninggal dunia kira-kira dua tahun yang lepas. Beliau ini dikenali sebagai Bibik Abong. Keadaan ini berlaku kerana adanya hubungan yang rapat dan mesra diantara mereka dengan masyarakat Melayu di kawasan tempat tinggal mereka.

Disamping itu, kebanyakannya daripada masyarakat Baba ini terutama mereka yang termasuk dalam jenerasi tua, amat suka dan pandai menggunakan bahasa berirama seperti pantun. Pantun yang mereka lagukan ini sama dengan pantun yang terdapat dalam kesusastraan Melayu dan mungkin kerana inilah mereka amat gemar sekali kepada hiburan dondang sayang. Dalam pertemuan dengan seorang wanita tua Baba, beliau ini telah menggunakan banyak pantun-pantun lama, dan diantara pantun-pantun yang sempat diambil berbunyi seperti berikut:-

"Nasi kemuli makannya pahit,  
Isi mari pinggan hidangan;  
Budi sedikit hatinya baik,  
Jadi kenangan, jadi pandangan."<sup>(19)</sup>

(19) Hasil perbualan dengan seorang wanita tua Baba yang dikenali dengan nama Bibik Buruk di Limbongan, Melaka pada 21hb. Februari, 1976. Bibik ini berumur lebih dari 90 tahun.

Walaupun di dalam perbualan dan pertuturan harian mereka ini menggunakan bahasa Melayu, terdapat juga diantara mereka yang menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris terutamanya bagi mereka yang mendapat pendidikan dari aliran Inggeris. Tetapi penggunaan bahasa China, walaupun bahasa daerah mereka sendiri amat kurang didapati dikalangan mereka, malah terdapat juga mereka yang tidak tahu bertutur di dalam bahasa ini. Kalaupun terdapat mereka yang mengetahuinya ini adalah terdiri daripada mereka yang termasuk dalam jenerasi muda dimana telah timbul kesedaran dikalangan mereka ini untuk kembali mempelajari bahasa asal mereka. Kesedaran yang timbul ini bukanlah bermula dari dalam diri mereka sendiri tetapi lebih banyak berpunca daripada desakan luar terutamanya dari kalangan kaum China yang bukan Baba.

## 2. Istiadat Perkahwinan dalam Masyarakat Baba

Masyarakat Baba sekarang ini tidak lagi mengamalkan istiadat perkahwinan mereka yang asal seperti yang pernah dilakukan oleh nenek moyang mereka. Jenerasi muda (20) kini lebih tertarik kepada cara mudah dan tidak memerlukan belanja yang banyak iaitu perkahwinan mengikut barat dimana

---

(20) Jenerasi muda boleh diperingkatkan diantara umur 17 tahun hingga 40 tahun. Sementara jenerasi tua pula diantara 40 hingga 50 tahun dan keatas.

ianya lebih ringkas. Oleh kerana itulah maka sukar untuk didapati sekarang ini pasangan Baba yang mahu mengikuti upacara perkahwinan cara tradisi mereka.

Upacara perkahwinan yang pernah diamalkan oleh masyarakat Baba dulu, biasanya memakan masa yang lama iaitu kira-kira dua belas hari. Kebanyakannya daripada upacaranya dilakukan di rumah pengantin perempuan. Dua hari sebelum upacara resmi dijalankan, pihak pengantin lelaki akan membayar "wang kahwin" kepada ibu atau keluarga pengantin perempuan. Pada hari meletakkan kerja, ibu pengantin perempuan akan membuat sedikit januan kepada kawan-kawan perempuannya. Ini mungkin untuk meminta pertolongan di dalam kerja-kerja yang belum disiapkan ataupun hanya untuk menjemput dan meraikan mereka sahaja.

Kemudian di hari berikutnya dilakukan pula upacara "berandam" yang dijalankan di dalam bilik pengantin perempuan. Di sini Mak Andam akan memotong sedikit rambut pengantin perempuan. Mak Andam yang ditempah ini mungkin merupakan orang Baba sendiri dan ada juga yang terdiri daripada orang Melayu. Ini menunjukkan satu pengaruh yang kuat dari upacara berandam yang didapati di dalam istiadat perkahwinan orang Melayu. Selepas ini barulah diikuti oleh adat yang terpenting di dalam istiadat perkahwinan Baba iaitu upacara "Cheo than" atau dalam bahasa Melayu dikatakan

sebagai "duduk atas gantang". Upacara ini samalah dengan upacara akad nikah dalam perkahwinan orang Melayu.

Upacara "Cheo thaū" ini dilakukan di kedua-dua rumah pengantin. Pengantin disuruh duduk di atas gantang yang diletakkan di dalam nyiru yang dialas dengan kain. Pengantin lelaki dengan memakai baju panjang berwarna putih akan duduk di atas gantang untuk melakukan upacara nikah yang disaksikan oleh kedua ibubapanya, sahabat dan Pak Chin Dak iaitu bapa kepada pengantin ketika upacara itu dijalankan (Ceremony's Father). Gantang ini adalah melambangkan dunia. Pak Chin Dak ini biasanya memakai baju Melayu dan bersongkok walaupun ia bukan seorang Melayu. Kemudian seorang kanak-kanak akan membawa buku "horoscope" untuk memulakan upacara ini dan kanak-kanak ini dikenali sebagai "page-boy". Selain daripada gantang, terdapat juga perkakas lain seperti dacing emas yang melambangkan keadilan dalam mempertimbangkan segala hal yang berlaku di dalam rumah tangga yang akan dibina kelak.

Sementara itu di rumah pengantin perempuan upacara yang sama juga dilakukan. Beliau dengan memakai baju putih akan duduk di atas gantang untuk menerima pernikahannya itu. Pada waktu upacara ini dijalankan rambut pengantin perempuan akan dibiarkan terurai. Selain daripada gantang terdapat juga alat-alat lain seperti dacing emas, cermin,

kayu pemberis dan gunting. Kesemua alat-alat ini merupakan lambang sebagai seorang suri rumah tangga yang baik. Selepas itu akan dijalankan pula adat menyembah nenek moyang.

Biasanya "Cheo thaz" ini dilakukan di waktu dinihari (pagi) iaitu kira-kira pada pukul 5 pagi. Selepas itu barulah pengantin perempuan dihiasi dengan cantik untuk bersedia menerima kedatangan bakal suaminya. Di waktu ini beliau akan memakai kain tudung yang menutupi bahagian mukanya dan hanya akan dibuka oleh suaminya sahaja.

Ketibaan pengantin lelaki akan disambut dengan bunyian serunai (seroni) dan letupan mercun. Kemudian beras kunyit pun ditaburkan. Pak Chin Dak akan memberikan ang pow kepada keluarga pengantin perempuan sebelum mereka dibenarkan masuk. Pengantin perempuan akan keluar untuk menyambut suaminya dan mereka bersama-sama kedalam bilik pengantin untuk melakukan makan pagi yang pertama sekali secara bersama-sama. Kemudian pengantin lelaki akan membuka tudung penutup muka isterinya dan bagi setengah-setengah pengantin lelaki inilah pertama kalinya mereka dapat melihat wajah isteri mereka. Upacara makan pagi tadi dikenali sebagai "Chin Pang".

Upacara yang sama juga akan diulangi pula di rumah pengantin lelaki iaitu ketika pengantin perempuan datang bertandang ke sana. Ini biasanya akan dilakukan pada hari yang

kedua belas selepas hari perasmian perkahwinan mereka.

### 3. Kelahiran dan Pantang Larang Yang Berkait Dengan Kepercayaan Mereka

Mengenai kelahiran dan pantang larang yang terdapat dikalangan masyarakat Baba ini lebih kurang sama seperti yang terdapat dikalangan orang Melayu. Mereka juga melakukan lenggang perut kepada ibu-ibu muda yang mengandung sulung dan menjalankan adat menempah bidan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kelahiran anak nanti. Kemudian bila anak sudah selamat dilahirkan, mereka akan melakukan adat mencukur ranbut. Oleh yang demikian boleh dikatakan kebanyakan adat yang mereka lakukan itu sama seperti orang Melayu. Kalau orang Melayu mengamalkan bertungku atau berdiang, masyarakat Baba juga ada pengamalkannya.

Begitu juga halnya dengan kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dikalangan mereka. Misalnya belakang orang mengandung tidak boleh dilalui dengan kerapnya kerana mengikut kepercayaan mereka, bayang orang yang lalu akan menimpa orang yang mengandung tadi. Sekiranya "bintang" dia tinggi tidaklah jadi apa-apa tetapi sekiranya bintang rendah, ini akan mendatangkan sesuatu yang tidak baik keatas orang yang mengandung tadi. Tapi sayangnya tidak pula dijelaskan pengertian "bintang" ini.

Selain daripada itu terdapat juga pantang bagi mereka yang baru lepas bersalin (dalam pantang) makan dan minum berdiri. Mereka mestilah makan dan minum duduk kerana bila berdiri ditakutkan tempat beranak (rahim) akan menjadi kembang. Semasa mengandung pula tidak dibenarkan makan di muka pintu kerana bila bersalin nanti akan mengalami kesakitan dan kepayahan.

Sewaktu bersalin juga tidak diperlukan untuk memanggil ramai orang kerana dipercayai semakin ramai orang yang datang melihat semakin susah pula proses itu berlaku. Malah sekiranya mereka yang mengandung dilalui api belakangnya dikatakan ia akan mendapat sakit bisa-bisa perut. Ini dikatakan sebagai kembar yang boleh dibahagikan kepada dua. Kalau kembar darah sakit yang dialami sangat bisa tetapi kalau kembar air dikatakan tidak sakit.

Itulah diantara pantang larang dan kepercayaan yang terdapat dikalangan mereka dan kalau diteliti didapati mempunyai persamaan dengan orang Melayu. Ini mungkin disebabkan oleh hubungan mereka yang erat akibat daripada perkahwinan campuran yang mereka lakukan dulu. Tetapi perlu ditegaskan di sini bahawa oleh kerana perubahan masa dan keadaan, didapati ramai diantara mereka ini yang telah pergi mendapatkan rawatan hospital ketika bersalin dan pantang larang yang dinyatakan di atas itu ada yang tidak diikuti lagi.

#### 4. Upacara Kematian dan Pantang Larang yang Diamalkan

Kematian dalam masyarakat Baba ini sama upacaranya dengan kematian dalam masyarakat China. Bila kematian berlaku di dalam sesuatu keluarga itu, maka banyaklah pantang larang yang terpaksa diikuti baik semasa mayat masih lagi berada di dalam rumah mahupun ketika selepas dikuburkan. Namun begitu kedapatan sekarang ini banyak diantara pantang larang itu tidak lagi diikuti dengan sepenuhnya.

Mayat simati biasanya diletak di tengah-tengah rumah iaitu dimasukkan kedalam tong mayat seperti yang biasa dilihat bila orang China meletakkan mayat mereka. Peti ini tidak ditutup. Mayat ini sebelum dipakaikan baju, terlebih dahulu dimandikan tetapi tidaklah seperti yang dilakukan oleh orang Melayu. Mayat ini cuma dilap-lapkan sahaja, kemudian dibedakkan dan akhirnya baru dikenakan pakaian yang cantik-cantik. Selepas itu barulah dimasukkan kedalam tong mayat yang telah dilapekkan dengan kertas merah. Bila ini selesai barulah tong ini ditutup dengan kain ataupun dibiarakan terbuka begitu sahaja.

Biasanya mayat disimpan buat beberapa ketika di dalam rumah. Bagi mereka yang kurang mampu mayat disimpan selama 3, 5 atau 7 hari sahaja. Bagi mereka yang mampu, ada kalanya mayat disimpan lebih daripada sebulan. Ini bagi kemudahan anak cucu dan saudara mala simati untuk menziarah

dan menengok wajahnya bagi kali yang terakhir. Pakaian keluarga simati juga akan berubah, mereka memakai baju hitam seolah-olah sebagai tanda berkabung. Langsir rumah ditukar kepada warna merah.

Ketika mayat dihantarkan ke kawasan perkuburan, anak-anak dan saudara muda akan mengikut bersama-sama. Mereka kebanyakannya memakai baju guni dan bagi anak simati mereka memakai baju hitam bersama-sama baju guni dan untuk cucu-cucu simati pula mereka akan memakai baju berwarna biru. Baju guni yang digunakan di luar menandakan kemewahan seseorang itu dan bagi yang kurang menggunakan duit dikatakan memakai baju belacu berwarna kuning. Masa bagi mereka berkabung ada yang selama 100 hari ataupun setahun, tetapi sekarang ini telah dipendekkan lagi.

### Pantang Larang

Pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Baba boleh dibahagikan kepada dua iaitu ketika mayat masih berada di dalam rumah dan ketika mayat telah selamat dikebumikan. Diantara pantang larang ketika mayat masih berada di dalam rumah ialah anggota keluarga itu tidak boleh berkelahi sesama mereka, tidak dibenarkan mandi, sikat rambut, potong kuku, potong rambut dan tidur juga tidak boleh bersama-sama bagi mereka yang sudah berkahwin.

Mereka juga tidak dibenarkan menggunting baik kain ataupun kertas kerana menurut kepercayaan mereka, roh simati akan bertukar menjadi orang halus dan ketika menggunting dilakukan mungkin dengan cara tidak sengaja akan tergunting pula roh simati.

Menyapu rumah juga tidak dibenarkan, kalau hendak menyapu hanya dilonggok-longgokkan sahaja sampah sarap tetapi jangan dibuang. Hanya selepas mayat dikebumikan baru boleh disapu. Ketawa dan gelak juga tidak dibenarkan, mereka hanya diminta bersedih sahaja. Ini adalah untuk menghormati simati dengan menunjukkan perasaan sedih dan kasih terhadapnya.

Satu lagi pantang larang yang diamalkan oleh mereka ini ialah minyak yang digunakan untuk simati ketika melakukan upacara sembahyang, tidak boleh disentuh kerana dipercayai ianya sebagai sial. Minyak ini dipercayai sebagai ludah simati dan ini mesti dipatuhi selama 7 hari. Begitu juga dengan barang-barang kepunyaan simati mesti diletakkan pada satu tempat kerana dipercayai simati akan balik semula kerumahnya selepas dikebumikan. Selepas 7 hari barulah barang-barang ini dikeluarkan dan dibakar. Begitu juga dengan lampu di sisi simati mesti ditunggu supaya tidak padam. Sekiranya lampu ini padam dipercayai satu hal yang tidak baik akan berlaku keatas keluarga simati.

Malah terdapat satu lagi pantang larang yang mungkin didasarkan kepada metbos iaitu mayat nesti dijaga supaya tidak dilangkah oleh kucing hitam. Sekiranya kucing hitam melangkah perut simati, maka mayat ini akan hidup kembali dan menjadi hantu. Untuk mengelakkan ini berlaku mereka meletakkan beras dan pisau di atas perut simati demi menjauhkan syaitan.

Sementara itu pantang larang selepas mayat dikebumikan diantaranya ialah apa yang dikenali sebagai TOHA iaitu tidak dibolehkan para isteri atau wanita keluarga yang mengalami kematian ini memakai barang kemas terutamanya yang berasal dari emas, tidak boleh menghadiri majlis perkahwinan dan tidak dibolehkan menonton wayang. Toha ini berjalan selama perkabungan dilakukan.

Kemudian nesti dilakukan sembahyang sembah datuk untuk simati ini. Biasanya dilakukan di atas kubur simati. Sembahyang ini ada bermacam-macam nama seperti sembahyang 4 mangkuk dan sembahyang 8 mangkuk. Ini semua berdasarkan kepada bilangan mangkuk yang digunakan untuk menghidang makanan selepas sembahyang. Di bawah ini diperturunkan peralatan yang digunakan untuk sembahyang 8 mangkuk iaitu:-

1. Pong tee (terdapat dalam 2 mangkuk)
2. Kaki babi (2 mangkuk)
3. Itik teem yang dimasak dengan sayur asin disimpan dalam 2 mangkuk juga.

4. Chap chai (2 mangkuk)
5. Nasi (8 mangkuk)
6. Air teh China (8 mangkuk)
7. Sumpit (chopstick)
8. Senduk
9. Arak (juga 8 mangkuk)
10. Satu bekas untuk diisikan colok dan chopstick
11. Lilin sepasang
12. Tebu mesti dipotong sama pendek dan diikat dengan kain merah serta diletakkan bunga sekuntum.
13. Kertas putih untuk simati.

Tetapi bagi sembahyang yang dilakukan di hari tahun baru China, digunakan kertas merah, air tebu diletakkan di muka pintu dan limau manis serta kuih muih seperti dodol, wajid dan kuih bakul yang mesti diadakan.

Sembahyang ini semua adalah ditujukan untuk simati supaya mereka berada di dalam keadaan aman di dunia yang baru (syurga). Masyarakat Baba ini menghantar mayat ke Kubur dengan menggunakan kereta mayat dan mereka ini mempunyai satu kawasan perkuburan terutamanya di kawasan berbukit atau tanah tinggi. Contohnya ialah Bukit China.

#### **5. Kepercayaan dan Uzama Dikalangan Masyarakat Baba**

Kepercayaan dan ugama yang terdapat dikalangan

masyarakat Baba ini lebih mendekati kepada kepercayaan dan ugama yang dianuti oleh bangsa China tulen. Kebanyakan mereka ini menganuti ugama Buddha disamping memegang teguh kepada kepercayaan animisma iaitu percaya kepada roh nenek moyang dan melakukan sembahyang di atas kubur-kubur mereka untuk mengingati. Selain daripada ugama Buddha terdapat juga dikalangan mereka ini yang menganuti ugama Kristian dan Islam, cuma bilangan mereka ini amat kecil.

? lagi?

Bagi mereka yang berugama Buddha akan sentiasa didapati di ruang depan rumah mereka tempat khas untuk melakukan sembah datuk, yang biasanya dibuat dari kayu khas berwarna gelap, dihiasi dengan ukiran-ukiran China, tempat meletak celok dan terdapat beberapa buah patung. Kebiasaan-nya patung-patung ini ada tiga buah yang melambangkan tiga pengertian dan disusun mengikut tempat masing-masing.

Patung yang diletakkan di sebelah kiri dikatakan sebagai datuk penjaga umur kerana patung datuk ini digambarkan sebagai orang tua yang mempunyai janggut putih yang panjang, dimana janggut ini disamakan dengan umur seseorang itu. Datuk yang di tengah-tengah dikatakan datuk yang boleh memberikan kekayaan dan datuk yang akhir sekali dikaitkan dengan datuk yang memberikan anak banyak, satu perkara yang disukai oleh mereka.

Kepercayaan-kepercayaan mereka ini adalah sama seperti yang terdapat dikalangan masyarakat China, cuma ber-

beda pada nama-nama datuk sahaja. Selain daripada tiga datuk yang disebutkan di atas, terdapat beberapa datuk lagi yang memainkan peranan penting di dalam kepercayaan mereka ini. Diantara datuk-datuk ini ialah:-

**1. Datuk Pan Kong**

Datuk ini dipercayai sebagai datuk pantai dan kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat Baba ini untuk melakukan sembah datuk ialah di kawasan berhampiran dengan pasar di Tengkera dimana kawasan ini merupakan kawasan pantai.

**2. Datuk Tek Ya**

Datuk ini dipercayai sebagai datuk yang besar sekali dikalangan datuk-datuk yang mereka sembah dan percayai.

**3. Datuk Dapur**

Datuk ini dikatakan sebagai datuk yang menjaga dapur rumah-rumah orang Baba ini dan datuk ini mempunyai hubungan yang langsung dengan datuk yang lebih besar. Datuk ini selalu membuat lapuran keatas langit dan untuk memujuk beliau supaya memberikan lapuran yang baik, ia diraikan dengan satu upacara yang dikenali sebagai Chap Goh Meh. Mereka melakukan sembah datuk ini pada 15 hari selepas hari tahun baru China.

**4. Datuk Ong Giao Kong** yang merupakan datuk di kawasan Bandar Hilir dimana di sini selalu diadakan sembah datuk.

## 5. Datuk Cho

Datuk Cho ini dipercayai seorang perempuan. Mereka yang mempercayainya dikatakan tidak makan benda-benda yang berdarah seperti ayam, kambing dan lain-lain tetapi hanya makan sayur-sayuran sahaja. Tiap-tiap tahun akan dilakukan sembahyang sembah datuk ini, dan pada hari itu dibawa buah-tangan yang berupa buah-buahan.

Tetapi di sini perlu dinyatakan bahawa walaupun terdapat banyak datuk-datuk yang mereka sembah, mereka masih lagi percaya dan mempunyai tuhan yang satu. Datuk-datuk yang disebutkan tadi cuma merupakan orang perantaraan di antara manusia dengan tuhan yang dipercayai tinggal di atas langit.

Selain daripada itu orang Baba ini juga amat percaya kepada "dunia selepas mati" dimana barang siapa yang melakukan dosa ketika hidupnya di dunia, ia akan menjadi makhluk yang lebih rendah seumpamanya binatang di dunia yang satu lagi.

### 5.1 Hari-Hari Perayaan Yang Penting

Mengenai perayaan-perayaan yang penting dan biasanya disambut dengan meriah hanya dilakukan sempena menyambut tahun baru mengikut Kalendar China. Pada malam

tahun baru China ini akan diadakan jamuan makan malam untuk keluarga itu yang mestilah dihadiri oleh semua anggota keluarga tersebut. Makanan utama yang disediakan ialah kuih bakul. Ketika membuat kuih ini, mereka mestilah berhati-hati kerana sekiranya rosak ini menandakan keluarga mereka akan ditimpa bencana. Mereka pada hari tahun baru China memberikan ang pow dan menziarahi kawan-kawan. Ini dilakukan pada hari kedua tahun baru China itu.

## 2. Malam Sembahyang Tikung

Diraikan pada hari kelapan bulan pertama tahun baru. Malam ini mengingatkan semula peristiwa perpe-rangan di Wilayah Hokkien dimana orang-orang China telah terselamat kerana bersembunyi di dalam kebun tebu.

## 3. Chap Goh Meh

Perayaan ini dijalankan pada malam kelimabelas tahun baru China. Ianya menandakan tamat perayaan dan waktu dimana datuk dapur akan naik ke langit. Di setengah-setengah tempat pada malam ini anak-anak gadis memakai pakaian yang cantik-cantik di bawah sinaran bulan mengambang penuh.

## 4. Istiadat Ching Ming

Merupakan istiadat sembahyang di atas kubur yang

dilakukan pada bulan April, hari pertama bulan ketiga mengikut kalendar China. Mereka pada hari itu membersihkan kubur, mengadakan jamuan dan sembahyang. Arak China akan dicurahkan keatas kubur-kubur ini. Jamuan ini sebenarnya simbolik sahaja, makan minum yang sebenarnya dilakukan di rumah bukan di atas kubur. Kemudian bunga atau kertas khas akan ditaburkan di sekitar kawasan kubur ini sebagai menandakan upacara ini telah dilakukan dengan sempurna oleh kaum keluarga mereka yang telah mati itu.

#### 5. Pesta Perahu Nara

Pesta ini dilakukan di hari kelima dalam bulan kelima mengikut kalendar orang China dan ini bersamaan dengan bulan Jun. Pesta ini diadakan untuk mengingati seorang penyair China bernama Chu Yuan. Beliau telah mati kerana membunuh diri akibat daripada fitnah yang dilakukan oleh seorang pembesar lain yang dengki kepadanya. Pada hari pesta ini dilakukan "kuih chang" iaitu serupa dengan ketupat akan dibuangkan kedalam sungai kononnya untuk makanan ikan supaya ikan-ikan ini tidak makan mayat pembesar tadi. Untuk zaman sekarang pesta ini tidak lagi diadakan cuma upacara membuang kuih chang itu masih lagi diamalkan. Ini disebabkan mereka percaya bulan ini sebagai bulan nahas sebagaimana orang Melayu mempercayai bulan Safar sebagai bulan yang tidak baik.

### 6. Sembahyang Hantu

Sembahyang Hantu ini dilakukan pada 15hb. tujuh mengikut kalendar China. Ia dilakukan selama 15 hari. Tujuan sembahyang ini dibuat ialah untuk menghindari dari-pada hantu-hantu dan syaitan yang telah bebas daripada mereka dalam bulan ini. Ini berdasarkan kepada kepercayaan mereka bahawa dalam bulan ini pintu neraka akan dibuka dimana hantu dan syaitan akan keluar untuk mencari makan dan pakaian. Jadi untuk mengelakkan perkara ini, maka pakaian, wang dan makanan yang dibuat daripada kertas akan dibakar di kawasan luar rumah. Ianya dilakukan oleh anak lelaki yang tertua dan anak perempuan tidak dibenarkan. Jadi hari terakhir ada juga dilakukan upacara selamat jalan pada hantu-hantu tersebut. Upacara ini masih lagi kedapatan dilakukan oleh kaum Baba disamping terdapat beberapa perubahan yang disesuaikan untuk mereka-mereka yang tinggal di kawasan bandar.

### 7. Perayaan Pesta Bulan

Perayaan ini diadakan pada waktu malam hari kelimabelas bulan lapan kalendar China. Pada malam ini lampu-lampu dipasang untuk menerangi halaman dan rumah. Orang-orang perempuan akan membina tempat sembahyang di luar rumah dimana diletakkan kuih bulan, lilin merah, colok dan buah-buahan.

### 8. Peristiwa Tang Chiak

Perayaan ini jatuh pada bulan sebelas atau 22hb. Disember. Masa ini sudah masuk musim sejuk di Negeri China, jadi mereka merayakannya dengan membuat kuih i\* - sejenis kuih yang menyerupai kuih buah Melaka.

### 9. Perayaan Buay Geay

Ini merupakan perayaan terakhir bagi orang Baba. Ia juga dikenali sebagai hari penghabisan Pada hari ini biasanya majikan akan memberi makan dan jamian kepada kuli-kulinya.

Itulah diantara hari-hari perayaan yang diraikan oleh orang Baba ini. Seperkara yang mahu ditegaskan di sini ialah perayaan malam Sembahyang Tikung, Tang Chiak dan Buay Geay ini tidak disambut oleh orang China yang bukan Baba. Dan di sini membedakan mereka dari orang Baba ini.

### 5.2 Sikap Orang Baba Terhadap Ugama dan Kepercayaan Mereka

Secara purata, masyarakat Baba ini memang mempunyai pegangan yang kuat terhadap ugama. Ini adalah berdasarkan kepada perayaan-perayaan yang mereka raikan masih lagi dibuat dan disambut dengan sepenuhnya. Tetapi

keadaan ini hanyalah ketara di dalam golongan tua sahaja dimana mereka ini bukan sahaja menganalisa kepercayaan mereka tetapi juga mengetahuinya dengan mendalam.

Jika dibandingkan dengan golongan muda, pengetahuan ugama mereka semakin kurang dan ini menyebabkan mereka mudah untuk bertukar ugama. Dan inilah sebabnya mengapa mereka sudah kedapatan memeluk ugama Kristian dan Islam yang memang berlainan sekali dengan ugama dan kepercayaan kedua orang tua mereka. Bagi mereka yang masih menganuti ugama nenek moyang mereka, pengetahuan yang lengkap dan mendalam tidak sangat kedapatan, apa yang mereka lakukan hanyalah mengikut orang tua mereka sahaja. Itulah kekurangan yang terdapat pada mereka, bila ditanya mengenai pegangan mereka, mereka hanya berkata apa yang mereka buat adalah kerana mengikut orang tua mereka buat. Jadi, disini didapati bahawa pegangan ugama ini hanya kuat dan mendalam dikalangan mereka yang sudah tua sedangkan dikalangan muda-mudi amat kurang sekali.

## 2. Maksud dan Tujuan Pendekatan

Dalam bidang sosial, jidin ditinjau dari sebut takutan sangat tinggi, maka dilaporki ada keperluan untuk berintegrasi dan bersekutu lagi dengan lebih lagi untuk berfungsi bentuk keserasian berhalangan. Ini adalah dialektik bentuk yang hidup dalam masyarakat peranan di-

## BAB VI

### KESIMPULAN:

#### SEJAUHMANAKAH INTEGRASI DAN ASSIMILASI

#### MASYARAKAT MARGINAL BABA TERHADAP

#### MASYARAKAT MELAYU TELAH BERLAKU

Setelah melihat aspek-aspek penting dalam bidang sosial seperti ugama, kepercayaan, pakaian, makanan, bahasa dan sebagainya, maka dalam bab ini akan dibuatkan satu rancangan setakat manakah proses integrasi dan assimilasi yang telah ujud dan berlaku diantara golongan marginal Baba dengan golongan dominan Melayu. Juga akan dilihat samada teori-teori integrasi dan assimilasi yang dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi dapat digunakan keatas masyarakat tempatan ini. Di dalam bab ini akan juga dirumuskan apakah faktor-faktor penghalang kepada integrasi dan assimilasi yang sepenuhnya dari berlaku diantara dua kumpulan ini.

#### 1. Sejauhmanakah Proses-Proses Ini Telah Berlaku

Dalam bidang sosial, jika ditinjau dari sudut taburan tempat tinggal, maka didapati ada kecenderungan untuk berintegrasi dan berassimilasi dengan lebih rapat lagi iaitu berdasarkan bentuk penempatan berkelompok. Ini adalah disebabkan bentuk yang sedemikian menimbulkan perasaan di-

kalangan golongan marginal ini untuk mengujudkan perhubungan yang baik dengan kumpulan yang dominan supaya mereka dapat diterima dan dapat menjalankan kegiatan hidup mereka dengan baik.

Perhubungan yang baik ini misalnya dijelmakan ketika mereka mengadakan kenduri-kendara perkahwinan, dimana mereka akan menjemput juga jiran-jiran Melayu mereka. Supaya hubungan mesra ini tidak terganggu, mereka memanggil tukang nasak Melayu untuk memasak makanan mereka. Keadaan yang sebaliknya juga berlaku, dimana orang Melayu bila mengadakan keramaian akan menjemput juga jiran-jiran bukan Melayu mereka. Selain daripada itu ianya juga dijelmakan ketika menyambut hari-hari perayaan dimana mereka ini saling ziarah menziarahi diantara satu dengan lain. Ini dengan tidak disedari akan mengakuhkan lagi perhubungan yang telah sedia terjalin itu.

Ekoran dari keadaan yang baik ini menyebabkan mereka ini sedikit sebanyak cuba mengassimilasikan diri mereka kedalam masyarakat Melayu. Keterangan mengenai perkahwinan, makanan, pakaian dan bahasa dapat menjelaskan keadaan ini dimana terdapat usaha-usaha yang telah dijalankan oleh mereka untuk mengassimilasikan budaya mereka kedalam budaya Melayu sehingga ke peringkat yang difikirkan sesuai. Dalam perkahwinan umumnya kenapa Pak Chin Dak itu

dinestikan memakai pakaian Melayu ? Ini mungkin disebabkan mereka cuba untuk mengujudkan satu perasaan "kekitaan" dimana menunjukkan orang Melayu itu telah diterima oleh masyarakat mereka ataupun mereka cuba memasukkan diri mereka kedalam masyarakat Melayu.

Dari segi pakaian dan makanan pun akan kelihatan persamaannya dimana terdapat usaha-usaha yang telah dilakukan sejak dari dahulu lagi untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan di sekitar mereka. Walaupun pada peringkat permulaannya mereka tidak tahan dengan rasa pedas yang digemari oleh orang Melayu tetapi sedikit demi sedikit mereka telah menyesuaikannya dalam masakan mereka. Akhirnya mereka telah menerima penggunaan lada dalam semua masakan dan juga telah mengambil beberapa jenis masakan Melayu untuk dijadikan makanan utama mereka.

Begitu juga dalam cara-cara mereka berpakaian, terutamanya dikalangan orang-orang tua (perempuan) dimana mereka mengubahsuaikan cara mereka berpakaian sehingga menjadi satu tanda pengenalan yang kental kepada mereka.

Dalam bidang ekonomi pula, kalau ditinjau dari sudut jenis pekerjaan, didapati mereka ini mempunyai persamaan dengan orang Melayu di kawasan ini. Dari segi kedudukan ekonomi tidak mempunyai perbedaan yang besar dan kalau hendak disesuaikan dengan konsep solidariti Durkheim, ianya termasuk

dalam bahagian "mechanical solidarity" iaitu perpaduan yang diasaskan kepada persamaan pekerjaan (tidak ada pengkhususab). Jadi, tidak terdapat pergantungan diantara satu dengan lain dan dengan itu dalam bidang ini assimilasi mungkin tidak berlaku dengan sepenuhnya, begitu juga integrasi.

Dalam bidang ugama dan kepercayaan, mereka ini dengan jelasnya masih lagi mengikut dan menegang kuat ugama dan kepercayaan asal mereka. Mereka tidak terpengaruh dengan keadaan di sekitar walaupun memang terdapat dikalangan mereka yang tahu mengucap dua kalimat syahadat dan mengaji sedikit-sedikit. Tetapi ini tidak menjadi satu bukti yang mereka ini bertukar ugama. Malah terdapat sebilangan yang kecil sahaja yang telah menukar ugama kepada ugama Islam. Jadi dari segi ini juga mereka tidak menunjukkan ciri-ciri integrasi dan assimilasi seperti yang dikehendaki.

Oleh kerana itu jika berdasarkan kepada jenis-jenis assimilasi yang diberikan oleh Gordon, didapati hanya dua sahaja daripada tujuh jenis assimilasi tadi yang bersetujuan dengan masyarakat Baba ini. Kedua-duanya ialah assimilasi kebudayaan atau perlakuan (cultural or behavioral assimilation) dan assimilasi sibik (civic assimilation). Ini disebabkan kedua-duanya sesuai dimana perubahan pola kebudayaan masyarakat Baba memang mengikut corak kebudayaan

masarakat Melayu. Selain daripada itu kepercayaan dan nilai mereka juga mempunyai kecenderungan untuk menyalai kepercayaan dan nilai masyarakat Melayu. Dan perubahan yang berlaku ini tidak akan memungkinkan berlakunya konflik nilai diantara masyarakat Baba dan Melayu; dan keadaan ini pula akan mengujudkan satu sistem kebudayaan campuran diantara budaya Baba dan Melayu tadi.

Jenis-jenis assimilasi yang lain tidak sesuai kerana dalam assimilasi struktur, masyarakat Baba tidak menampuri oligue atau institusi-institusi sosial masyarakat Melayu sementara assimilasi perkahwinan, identifikasi, penerimaan perlakuan, sikap didapati tidak sepenuhnya di dalam masyarakat Baba. Umpamanya perkahwinan campuran yang meluas tidak lagi kedapat sekarang ini diantara orang Baba dengan orang Melayu dan juga masih terdapat perasaan prasangka<sup>(21)</sup> diantara kedua pihak ini.

Bogitu juga dengan model assimilasi yang agak sesuai dengan masyarakat Baba ini ialah model Cultural Pluralism dimana masyarakat Bab ini masih lagi dapat mengekalkan identiti asal mereka dan membentuk masyarakat mereka.

(21) Seperti yang timbul di dalam bahagian pendahuluan dimana prasangka ini menimbulkan kesulitan dalam pengajian penulis.

dapat dituliskan pada halaman berikut

assimilasi dan integrasi dengan masyarakat Melayu.

yang tersendiri dimana iaanya diterima oleh golongan masyarakat dominan Melayu.

Keadaan yang sama juga berlaku di sudut integrasi dimana yang agak sesuai dengan masyarakat Baba ini ialah perhubungan "Pluralisma" dimana kumpulan minoriti dan marginal diberi hak untuk berpolitik yang sama tetapi perbedaan diantara ras atau ethnik ini tetap diperkuatkan dari masa kesemasa. Oleh itu ras tidak menunjukkan perbedaan peranan tetapi menunjukkan variasi di dalam expected-behaviour.

Jadi, setelah melihat kedudukan yang sebenarnya dan berdasarkan kepada penggunaan teori integrasi dan assimilasi, maka dapatlah disimpulkan bahawa proses integrasi dan assimilasi yang berlaku itu tidaklah dengan sepenuhnya. Apa yang berlaku sebenarnya ialah mereka ini cuma mengassimilasikan dan mengintegrasikan kehidupan mereka hanya dalam bidang sosial sahaja. Ini adalah disebabkan mereka merasakan perlu melakukan perubahan ini kerana dengan mengujudkan perasaan "kekitaan" dengan masyarakat Melayu, mereka akan dapat diterima oleh masyarakat yang lebih besar. Sedangkan dalam bidang-bidang lain mereka masih lagi mengekalkan ciri-ciri mereka yang asli walaupun jika dilihat dari luaran mereka ini menjalankan usaha-usaha untuk assimilasi dan integrasi dengan masyarakat Melayu.

## 2. Faktor-Faktor Penghalang Kepada Proses Integrasi Dan Assimilasi

Diantara faktor penghalang yang utama ialah faktor ugama. Ugama dari segi integrasi memang tidak menghalang, tetapi dari segi assimilasi ianya merupakan satu faktor yang penting. Ini disebabkan jika diteliti, didapati mereka ini masih lagi memegang kuat tradisi mereka walaupun dikalangan jenerasi muda telah terdapat keadaan yang tidak begitu mementingkan ugama.

Mereka ini misalnya dalam segi kepercayaan dan perayaan penting masih lagi mengamalkan kepercayaan nenek moyang mereka. Sedangkan dalam ugama Islam, ajaran-ajaran nya banyak yang bertentangan dengan ajaran Buddha seperti kepercayaan mengenai Tuhan, larangan makan babi, perlunya berkhitan dan sebagainya yang pada mereka amat membebankan. Oleh kerana itu sekiranya ugama hendak dijadikan faktor pendorong, ianya hanya menimbulkan kesukaran sahaja dan memerlukan masa yang lama.

Selain daripada itu kesedaran politik juga telah menjadi satu faktor penghalang kepada integrasi dan assimilasi ini untuk berlaku dengan sempurnanya. Ini adalah memandangkan bahawa sejak dari zaman penjajah British lagi mereka ini dari segi politik lebih memihak kepada pergerakan politik kaum China seperti dengan menjadi ahli kepada Malayan Chinese

Association (MCA). Keadaan ini tambah mendesak lagi dengan adanya tekanan-tekanan politik pada waktu ini seperti gerakan kaum Melayu mengekalkan hak keistimewaan mereka dan lain-lain, telah menimbulkan kesedaran kepada mereka untuk menumpukan perhatian kepada satu pergerakan sahaja yang mana lebih menjamin kehidupan dan dapat memperjuangkan apa yang mereka kehendaki.

Oleh kerana itu mereka ini tidak mempunyai pilihan lain selain daripada memihak kepada aliran pergerakan politik kaum China yang lain kerana ianya melambangkan pergerakan masyarakat China keseluruhannya. Sedikit demi sedikit mereka sudah mula menyedari betapa pentingnya keadaan ini untuk masyarakat mereka. Berdasarkan keadaan inilah maka John Clamer telah menegaskan bahawa masyarakat Baba ini menghadapi tiga masalah yang besar yang sukar sekali untuk mereka mengambil satu-satu keputusan yang rasional. Tiga masalah ini ialah:-

1. samada untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Baba. Kalau dulu mereka berkahwin sesama mereka (orang Baba mengambil isteri atau suami dari keturunan yang sama), tetapi kini telah terdapat aliran dimana mereka mengahwini orang-orang di luar kumpulan mereka terutamanya mereka dari kumpulan Hokkien, yang mana ini memberikan kesan terhadap orang Baba. Mereka mulai menerima ciri-ciri budaya China dan sedikit sebanyak telah mengenepikan ciri-

ciri budaya Baba; atau

2. samada untuk mengassimilasikan diri mereka sepenuhnya kepada budaya dan masyarakat Melayu. Tetapi keadaan ini hanya benar pada peringkat permulaan dahulu sahaja sedangkan sekarang ini jika diteliti dengan baik akan didapati bahawa orang Baba ini adalah "more Chinese than the Chinese"<sup>(22)</sup> dalam banyak aspek. Ini umpamanya terdapat dalam "kinship term", perkahwinan dimana mereka ini mengamalkan adat istiadat yang dilakukan oleh orang China dahulu-kala sedangkan orang China sendiri pun hanya mengamalkan adat istiadat yang ringkas sahaja, dan kepercayaan serta hari-hari perayaan mereka; atau

3. Samada untuk menggabungkan kembali diri mereka kedalam masyarakat China yang sebenar.

Dan diantara tiga masalah ini, jalan keluar yang sesuai dengan mereka ialah menggabungkan semula diri mereka kedalam masyarakat China yang sebenarnya kerana ini lebih mudah daripada mengekalkan identiti Baba dan mengassimilasikan diri kedalam masyarakat Melayu. Ini adalah disebabkan dari segi sosial (socio-budaya), mereka hanya memerlukan beberapa

(22) Digunakan oleh ramai sarjana-sarjana baik dari bidang sejarah, mahupun dari bidang sosiologi. Diantara mereka ini ialah John R. Clamer dari Jabatan Sosiologi dan Antropologi Sosial, Universiti Hull.

(23) Sila juga baca I.1.2.2 dan buku

pindaan sahaja untuk menyerapkan diri mereka kembali kerana mereka ini sememangnya adalah berasal daripada kaum China. Sedangkan dari segi ugama dan kepercayaan, segolongan besar kaum Baba ini mempunyai pegangan yang sama dengan kaum China. Malah mereka sekarang ini telah banyak berkahwin dengan orang China terutamanya dari keturunan Hokkien. Jadi, di sini juga tidak akan berlaku pertentangan diantara kelompok ini. Sekiranya mereka nahu menggabungkan diri dengan kaum Melayu, mereka terpaksaalah memeluk ugama Islam terlebih dahulu, kemudian baru boleh menjadi orang Melayu. Ini bersetujuan dengan definasi "Melayu" yang diberikan oleh Perlembagaan.<sup>(23)</sup> Sedangkan kepada mereka umat Islamlah yang menjadi faktor penghalang yang utama.

Sementara itu jika dilihat dari segi politik pula, ia hanya memang bersetujuan kerana hanya melalui inilah sahaja dapat kaum Baba ini menyuarakan pandangan mereka dan ini akan lebih berkesan sekiranya digabungkan dengan orang China dimana ia akan menjadi lebih kuat dan kukuh. Malah dari gabungan ini juga kaum Baba akan mulai mendapat perhatian yang sewajarnya. Lagipun tidak banyak perbedaan kehendak dan motif perjuangan diantara kaum Baba dan kaum China.

(23) Sila rujuk Bab II mengenai konsep "Melayu"

Oleh kerana itu ditegaskan sekali lagi bahawa kaum Baba sekarang ini mula mencari jalan yang sesuai untuk mereka kembali semula kedalam masyarakat China yang pada suatu ketika dulu terpaksa ditinggalkan kerana desakan hidup yang sedang mereka hadapi.

3. Cook, Rev. John Bethesda: *Being Singapore*, 2nd edition, Elliot Stock, London, 1907.
4. Charles P. Gallagher: *Contemporary International Affairs*, 2. International Affairs, Vol. 1, No. 1, 1936.
5. Deutsch, Karl: *International Organization*, 2nd edition, Princeton University Press, Cambridge, 1956.
6. Emerson, Ralph: *American Society on Peace and War*, 1937.
7. Freedman, Maurice: *The Sociology of Race Relations In South Africa*, 1954.
8. Fitzgerald, Colm: *China*, Melbourne, Cheshire, 1956.
9. Gammie, James: *Chinese People: The Sign Post Press*, London, 1955.
10. Gatz, Eddie P. and Dechant, Alice: *The Meaning of Race*, New York, 1972.
11. Hanna, Willard A.: *Annual to Colonialism; American Universities Field Staff Report*, New York, 1965.
12. Hunter, G. & Josephine: *Asian Power, Violence and Nation*, London, New York, 1970.
13. Hughes, Everett: *Race Relations and the Ecological Imagination*, The American Sociological Review, Vol. 25 (1960).

BIBLIOGRAPHY

1. Bastin, J. and Roelvink, R. (Eds.): Malayan and Indonesian Studies, Oxford, 1964.
2. Chai Hon-Chan: The Development of British Malaya 1896 - 1909, Oxford University Press (K.L.), 1964.
3. Cook, Rev. J.A. Bethune: Sunny Singapore, 2nd. Edition, Elliot Stock, London, 1907.
4. Charles F. Gallagher: Contemporary Islam: A Frontier of Communalism Aspects of Islam In Malaysia.
5. Deutsch, Karl: Nationalism and Social Communication, 2nd. Edition, Mit Press, Cambridge, 1966.
6. Emerson, Rupert: Malaysia - A Study on Direct and Indirect Rule; Macmillan Com.; New York, 1937.
7. Freedman, Maurice: The Sociology of Race Relations In South East Asia With Special Reference To British Malaya - M.A.Thesis (London).
8. Fitzgerald, C.P.: The Third China; Melbourne, Cheshire, 1965.
9. Gammons, L.B. : Singapore Sequel; The Sign Post Press, London, 1944.
10. Gist, Noel, P. and Dworkin, A.G. : The Blending of Race; New York, 1972.
11. Hanna, Willard A. : Sequel To Colonialism; American Universities Field Staff Incor. New York, 1965.
12. Hunter, G. : South East Asia:- Race, Culture and Nation, London, IRR, Oxford, 1966.
13. Hughes, Everett : Race Relations and the Sociological Imagination; Am. American Sociological Review, Vol. 28 (1963).

14. Landecker, Werner S. : Types of Integration and Their Measurement; dlm. American Journal of Sociology, Vol. 56 (1957).
15. Mc Neil, Elton: The Nature of Human Conflict; Prentice Hall, New York, 1965.
16. Mitchison, Lois : The Overseas Chinese; The Bodley Head, London, 1961.
17. Heidhges, Mary Soners : South East Asia's Chinese Minorities; Longman, Australia Pty. Limited, 1974.
18. Park, Robert E. : "Assimilation; Social" dlm. Encyclopedia of the Social Sciences, No. 7, Vol. 2, 1930.
19. Rosenthal, Erich : "Acculturation Without Assimilation"; dlm. American Journal of Sociology, Vol. 66 (1960).
20. Minaro Kokukawa : Minority Responses; Random House, New York, 1970.
21. Skinner, G.W. : Chinese Society In Thailand - An Analytical History; Cornell University Press, New York, 1957.
22. Purcell, Victor : "The Chinese In Malaya"; New Imprsn. K.L. Oxford University Press, 1967.
23. David L. Sills : Encyclopedia of Social Science, Vol.1, New York, 1970.
24. Schermerhorn, R.A. : Comparative Ethnic Relation : A Framework of Theory and Research; Random House, New York, 1970.
25. Gokovensky, D.I. : "The Marginal Man Concept : An Analysis and Critique" ; dlm. Social Forces, Vol. 30, March, 1952.
26. Goldberg, M.H. : "A Qualification of the Marginal Man Theory", dlm. American Sociological Review, Vol. 6, February, 1941.
27. Kerckhoff, A.C. : "Marginal Status and Marginal Personality" dlm. Social Forces, 34 (October, 1955).

Artikel-ArtikelLAMPIRAN X

1. Shellabear, Rev. W.G.: "Baba Malay"; dlm. Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS); December, 1913.
2. Kok Sok Hieng : "Malacca Baba Foods", dlm. The Straits Times Annual, 1964.
3. Ho Yam Peng : "Baba's Wedding"; dlm. The Straits Times Annual, 1969.
4. Leung Thong Ping : "When It Took 12 Days To Get Married" dlm. Spectrum, Sunday Times Magazine, September 1, 1974.
5. John R. Clammer : "Overseas Chinese Assimilation and Resinification : A Malaysian Case Study" dlm. South East Asian Journal of Social Sciences, Singapore, Vol. 3, 1975.

Gangster	Abang koyak
Shah-di	Pak cik kapada anak murtab
Chai-di-di	Pak cik kapada anak murtab
Che	Hopung
Datuk	Berkala
Di	Kelakidi
Emas	Kelak dijar
Gas	Abang tan
Hia	Pengantin
Rambla	Kelak kapada baya
Ke	Adik perempuan
Kor	Kayek (Plaster)
Koyek	
Kula chong	

## LAMPIRAN I

Kuinging Selingue

"Hybrid Words" yang didepati di dalam percakapan yang digunakan oleh masyarakat Baba ini. Diantaranya ialah:-

<u>Baba</u>	<u>Melayu</u>
Akor	Abang
Ajat	Ajak
Amek	Ambil
Bikin	Buat
Buntut	Ekor
Busa	Buih
Gangkir	Cawan
Chek-H	Abang kepada emak mertua
Chek-H-Po	Pak Cik kepada emak mertua
Cho	Moyang
Datuk	Berhala
Dlaki	Lelaki
'Ensor	Kakak ipar
Goa	Saya
Hia	Abang tua
Kuantin	Pengantin
Ko	Kakak kepada bapa
Kor	Adik perempuan
Koyok	Koyok (Plaster)
Kuih Chang	

<u>Baba</u>	<u>Melayu</u>
Kuping	Telinga
Lu	Awak
Mertua	Mertua
*Mpek	Ayah
Ng-Chek	Pak Cik
Ng-Chim	Isteri Pak Cik
Ng-Kim	Isteri Abang Yang Tua
Ng-Koa	Bapa mertua
Ng-Ko	Abang yang tua
Ng-Kong	Datuk
Ng-Ku	Abang kepada emak
Ng-So	Isteri abang
Nio	Emak mertua
N-Tia	Bapa
N-Tio	Suami kepada Mak Cik
Pegang	Pegang
Sumpit	Sepit
Teh	Teh
Teko	Teko
Toaha	Masa berkabung(bersedih)
Topekong	Tok Pekong
Nyawa	Suami/Kekasih

LAMPILLIUS II  
MAKALULU BUBL



Univers



Universität